

JM



Buat Apa Yang Betul Kod Etika

Johnson Matthey
Inspiring science, enhancing life

Kod Kita

Kod kita akan membantu anda mencari dan memahami prinsip, standard dan dasar Johnson Matthey yang digunakan dalam kerja anda di Johnson Matthey.

Ia dibahagikan kepada empat bahagian:
Pekerja, Pasaran, Syarikat dan **Planet**.

Di dalam Kod kita, anda akan menemui maklumat tentang cara untuk mendapatkan bantuan, bergantung pada topik.


Pastikan anda membiasakan diri anda dengan kandungannya.

Fikir dengan teliti tentang topik yang berkaitan dengan peranan anda di Johnson Matthey dan minta bantuan jika anda memerlukan panduan lanjut. Satu senarai dasar dan standard sokongan boleh didapati di halaman 88.

Jika anda mempunyai soalan umum, atau ingin **Bersuara** tentang sesuatu, sila lihat halaman 10 untuk maklumat lanjut.

Kod Kita di dalam talian

Untuk melihatnya, layari
ethics.johnsonmatthey.com



Komitmen kita

Kod kita mengandungi enam komitmen yang membantu membimbing kita membuat keputusan untuk memastikan kita Buat Apa yang Betul. Saya akan:

- Memahami dan mengikut prinsip dalam Kod ini
- Meminta bantuan dan **Bersuara** apabila saya mempunyai kebimbangan
- Bekerja dengan selamat dan menghormati hak orang lain
- Melakukan perniagaan dengan bertanggungjawab, adil dan secara sah
- Melindungi jenama, aset dan reputasi Johnson Matthey
- Menyokong impian Johnson Matthey untuk membina perniagaan yang mampan

Pengenalan

Saya akan memahami dan mengikuti prinsip-prinsip dalam Kod ini

Mesej daripada Ketua Eksekutif kita	2
Meletakkan Kod kita dalam konteks	4
Buat Apa Yang Betul	6
Mengapa seseorang mungkin melakukan perkara yang tidak betul?	8
Membuat keputusan yang baik	9
Meminta bantuan dan Bersuara	10
Saya akan...	13

Pekerja

Saya akan bekerja dengan selamat dan menghormati hak orang lain **16**

Kesihatan dan keselamatan	18
Persekitaran kerja yang positif	21
Perlindungan data	24
Hak asasi manusia	26
Konflik kepentingan	29

Pasaran

Saya akan menjalankan perniagaan dengan bertanggungjawab, adil dan sah **32**

Pihak ketiga	34
Rasuah dan korupsi	37
Ganjaran dan hospitaliti	40
Persaingan adil	43
Jenayah kewangan	46
Kawalan perdagangan dan eksport	49
Tanda amaran urus niaga	52

Syarikat

Saya akan melindungi jenama, aset dan reputasi Johnson Matthey **54**

Sekuriti korporat	56
Sekuriti maklumat	59
Harta intelek	62
Pelaporan perniagaan dan kewangan	64
Ketepatan rekod	66
Berkomunikasi luaran	68
Media sosial	71
Maklumat dalaman	73

Planet

Saya akan menyokong impian Johnson Matthey untuk membina perniagaan yang mampan **76**

Integriti rangkaian bekalan kita	78
Persekitaran	81
Pengawasan produk	83
Pelaburan komuniti	85

Mesej daripada Ketua Eksekutif kita



“Kita semua perlu mengambil tanggungjawab untuk berkelakuan secara beretika dan membuat keputusan yang baik dalam kerja harian kita.”

Selamat datang ke Kod Etika, yang menjadi panduan kita untuk Melakukan Perkara yang Betul di JM.

Dalam perniagaan kita, kita banyak bercakap tentang Melakukan Perkara yang Betul kerana ia mendukung semua tindakan kita. Daripada cara kita berinteraksi antara satu sama lain di tempat kerja, hingga kepada cara kita menjalankan perniagaan dengan pelanggan, pembekal dan pihak ketiga yang lain, cara kita berkelakuan mestilah beretika dan konsisten dengan nilai kita. Mengatakannya adalah mudah, tetapi kita mempunyai Kod untuk membantu kita mengamalkannya apabila berhadapan dengan tekanan harian yang timbul dalam kehidupan.

Kita semua perlu mengambil tanggungjawab untuk berkelakuan secara beretika dan membuat keputusan yang baik dalam kerja harian kita. Sila luangkan masa untuk membiasakan diri anda dengan Kod tersebut dan pastikan anda memahami tanggungjawab peribadi anda untuk Buat Apa yang Betul. Sentiasa meminta pertolongan jika anda memerlukannya. Jika anda pernah melihat atau mendengar perkara yang tidak betul pada pandangan anda, sila Suarakan. Lebih cepat anda menyuarakan sesuatu, lebih cepat kita boleh mengambil tindakan untuk mengelakkan sesuatu yang buruk daripada berlaku.

Kita semua mempunyai peranan untuk bersama-sama menjaga reputasi JM, setiap hari, di mana sahaja kita berada. Sila rujuk Kod dengan kerap dalam pekerjaan anda bagi memastikan anda memainkan peranan anda dalam Melakukan Perkara yang Betul.

Liam Condon,
Ketua Eksekutif

Meletakkan Kod kita dalam konteks

Cara kita berkelakuan dan beroperasi sebagai sebuah syarikat adalah penting.

Budaya Johnson Matthey adalah personaliti syarikat – cara kita melakukan sesuatu perkara di sini dan apa yang penting bagi kita. Cara kita menghuraikan dan cara kita menerapkan budaya dapat dilihat dalam nilai kita. Johnson Matthey mempunyai lima nilai yang mencerminkan cara kita bekerja apabila kita berada di tahap yang terbaik. Nilai-nilai kita mengiktiraf apa yang membuatkan kita berjaya pada masa lalu dan apa yang akan membuatkan kita berjaya pada masa hadapan.

Menerapkan nilai kita untuk pekerja kita

• Melindungi pekerja dan planet

- Kita mengamalkan standard kesihatan dan keselamatan yang tertinggi, meningkatkan kesejahteraan orang-orang di dalam dan di luar tempat kerja, dan berusaha untuk melindungi planet kita.

• Bertindak dengan integriti

- Kita buat apa yang betul, untuk orang ramai dan untuk dunia. Kita buat apa yang kita janji kita akan lakukan, mengharapkan perkara yang sama antara satu sama lain, dan **Bersuara** apabila terdapat masalah. Kita mengutamakan hubungan dalaman dan luaran, melayan orang lain dengan penuh hormat dan prihatin.

• Bekerja bersama

- Kita menggalakkan kerjasama di dalam dan di luar JM, berkongsi dan menerima pelbagai sudut pandangan yang berbeza. Kita menangani masalah bersama-sama, mempraktikkan idea-idea kita dan berbangga dalam menggabungkan sumbangan kita untuk mewujudkan sesuatu yang lebih baik bagi JM dan pelanggan kita.

• Menginovasi dan menambah baik

- Kita menyesuaikan diri dan menerima idea-idea baru untuk menjadikan kita lebih kuat dan dunia kita lebih bersih dan sihat. Kita yakin dan berdaya tahan dalam melalui perubahan; berkembang dan membangunkan diri kita dan JM, untuk memastikan kita menjadi peneraju dalam pasaran pilihan kita.

• Bertanggungjawab ke atas apa yang kita lakukan

- Kita bertanggungjawab ke atas kerja kita sendiri, dan juga tahu yang kita adalah sebahagian daripada sesuatu yang lebih besar. Kita mengambil inisiatif, mendapatkan penjelasan dan menuntut standard yang tinggi daripada diri kita dan rakan sekerja kita.

Visi

Visi kita adalah untuk mewujudkan sebuah dunia yang lebih bersih dan lebih sihat hari ini dan untuk generasi akan datang.

Strategi

Sains

Melabur dalam sains dan teknologi kita yang bertaraf dunia.

Pelanggan

Gunakannya untuk menyelesaikan masalah rumit pelanggan kita; menjadi peneraju dalam pasaran margin tinggi yang dipacu teknologi.

Operasi

Beroperasi sebagai sebuah perniagaan global yang lebih selamat, lebih terhubung, tangkas dan cekap. Dibolehkan oleh tiga program transformasi utama kita.

Pekerja

Dilaksanakan melalui pekerja kita yang hebat.

Nilai

Melindungi
pekerja dan
planet

Bertindak dengan
integriti

Bekerja
bersama

Menginovasi
dan menambah
baik

Bertanggungjawab
ke atas apa yang
kita lakukan

Kod Kita



Kod kita menjadi asas nilai dan strategi kita, yang membantu kita semua memahami maksud Buat Apa yang Betul di JM.

Di mana sahaja anda berada, Kod kita sedia membantu.

Buat Apa Yang Betul

Saya akan memahami dan mengikuti prinsip dalam kod ini

Apakah Kod kita?

Kod kita adalah satu rangka kerja untuk membantu kita semua melakukan perkara yang betul. Ia, sebahagiannya adalah arah panduan untuk membantu anda mencari dan memahami prinsip, standard dan dasar syarikat yang digunakan dalam kerja anda. Ia juga merupakan pernyataan nilai bersama kita dan cara kita menjalankan perniagaan, yang akan membantu kita bekerja secara terbuka, jujur dan beretika. Selalunya kita perlu membuat keputusan atau berhadapan dengan dilema etika di tempat kerja apabila tidak terdapat peraturan tertentu atau panduan yang jelas. Dalam situasi ini, kita masih perlu membuat keputusan yang tepat. Walaupun Kod kita tidak menawarkan jawapan untuk setiap situasi, ia akan membimbing anda. Sentiasa rujuk kepadanya dalam kerja anda, gunakan pertimbangan yang baik dan sentiasa minta bimbingan jika anda memerlukannya.

Untuk siapakah Kod ini?

Kod kita boleh digunakan untuk semua orang di syarikat kita pada setiap peringkat, di mana-mana sahaja. Orang dan organisasi yang bekerja dengan kita mesti bertindak secara konsisten dengan Kod kita apabila bertindak bagi pihak atau atas nama kita.

Dengan siapa kita berurusniaga?

Sebagai sebuah syarikat, Johnson Matthey ingin berurusniaga dengan orang dan organisasi yang nilai-nilainya selaras dengan nilai kita, supaya reputasi kita tidak terjejas dengan pilihan rakan niaga yang tidak bijak. Kita memilih pihak ketiga kita (termasuk pelanggan kita) dengan teliti dan mengambil langkah-langkah untuk memastikan kita tahu dengan siapa kita berurusan, sama ada mereka adalah pelanggan, pembekal, rakan kongsi, ejen, pengedar, pembekal logistik atau mana-mana pihak lain yang kita mempunyai hubungan dengannya.



Apakah tanggungjawab saya?

- Biasakan diri anda dengan kandungan Kod (khususnya berkenaan komitmen).
- Fikir dengan teliti tentang topik-topik yang berkaitan dengan peranan anda, dan memahami serta mematuhi dasar, prinsip-prinsip dan standard yang berkaitan dengan topik ini.
- Gunakan Kod untuk membantu anda menangani keputusan yang sukar – walaupun tiada peraturan mengenainya.
- Minta bantuan atau latihan jika anda memerlukannya.

Sebagai pengurus, adakah saya mempunyai tanggungjawab khas?

Sebagai pengurus di Johnson Matthey, anda mempunyai tanggungjawab khusus untuk menggalakkan tingkah laku perniagaan yang baik dan memastikan orang yang bekerja untuk anda menyokong dan melindungi budaya, Buat Apa yang Betul kita. Anda boleh melakukannya dengan:

- Menjadi teladan dengan bertindak secara konsisten dengan Kod kita dan menerapkan nilai kita.
- Mempertanggungjawabkan pasukan anda terhadap kelakuan yang tidak selaras dengan Kod dan nilai kita.
- Berkommunikasi dengan kerap dengan pasukan anda, secara individu atau kolektif, tentang makna Buat Apa Yang Betul.
- Tidak mengelak daripada perbualan yang sukar.
- Meluangkan masa untuk mendengar dan menawarkan bimbingan.
- Menyokong mereka yang **Bersuara** dan tidak akan membenarkan tindakan balas.
- Mengalau-alukan contoh-contoh positif Buat Apa Yang Betul.
- Menyingkirkan halangan terhadap Buat Apa Yang Betul secara proaktif.
- Mengenal pasti jurang latihan dan pembangunan untuk diri anda dan pasukan anda serta menanganinya.

Apa yang perlu saya lakukan sekiranya Kod tersebut bercanggah dengan dasar dan prosedur Johnson Matthey, atau dengan undang-undang atau adat dan amalan tempatan?

Johnson Matthey beroperasi di kebanyakan negara di seluruh dunia di mana terdapat kepelbagaiannya budaya, undang-undang dan persekitaran politik yang berbeza. Konflik mungkin timbul antara keperluan Kod ini dengan dasar dan prosedur syarikat, atau dengan undang-undang, atau adat dan amalan tempatan. Kita harus sentiasa mematuhi standard yang tertinggi. Jika keadaan tidak jelas bagi anda, sila berunding dengan Jabatan Undang-undang atau Jabatan Etika dan Pematuhan sebelum bertindak.

Sekiranya saya mempunyai soalan mengenai Kod ini, siapakah yang perlu saya jumpa?

Di dalam Kod ini, anda akan menemui maklumat tentang di mana untuk mendapatkan bantuan jika anda ingirikan panduan lanjut, bergantung pada topik. Jika anda mempunyai soalan umum, atau ingin **Bersuara** tentang sesuatu, sila lihat halaman 10 untuk maklumat lanjut.

Mengapa seseorang mungkin melakukan perkara yang tidak betul?

Orang baik pun bukan selalu melakukan perkara yang betul. Ini mungkin kerana pelbagai sebab:

- ▶ **Mereka tidak tahu atau tidak menyedari** – Kita perlu tahu dasar dan prosedur yang digunakan untuk tugas kita yang tertentu tetapi ianya mustahil untuk menjadi seorang pakar dalam segala hal. Perlu mengetahui bila dan dengan siapa untuk meminta bantuan.
- ▶ **Mereka berada di bawah tekanan yang banyak** – Walaupun kita berasa berada di bawah tekanan dari segi prestasi, masa atau bajet, ia bukan sama sekali 'perniagaan dengan apa cara sekalipun'. Jika anda berasa di bawah tekanan untuk melakukan sesuatu yang anda rasa tidak betul, Suarkan.
- ▶ **Mereka tidak mahu menonjol di kalangan orang ramai** – Kita sering ingin berasa kita adalah sebahagian daripada kumpulan dan tidak akan menentangnya. Ia memerlukan keberanian untuk mengambil pandangan yang berbeza. **Anda akan disokong apabila anda mengemukakan keimbangan dan Bersuara.**
- ▶ **Mereka yakin bahawa tindakan mereka adalah OK kerana ia memberi mereka sesuatu yang mereka rasa mereka layak** – Kita kadang-kadang cuba untuk mewajarkan kelakuan yang tidak beretika kerana kita merasakan ketidakadilan atau layanan yang tidak adil. **Tidak ada justifikasi untuk melakukan perkara yang salah.**
- ▶ **Mereka tidak peduli** – Sesetengah pekerja tahu apa itu dasar dan prosedur, tetapi mereka memilih untuk mengabaikannya atau mereka tidak mengambil serius atas pelbagai alasan. **Jika anda melihat seseorang melanggar peraturan atau bertindak secara tidak wajar, Suarkan.**
- ▶ **Mereka fikir tiada siapa yang akan perasan** – Sesetengah orang melakukan perkara yang salah apabila mereka fikir tiada siapa yang akan perasan terutamanya jika ia melibatkan keputusan 'kecil'. **Anda harus sentiasa melakukan perkara yang betul walaupun anda tahu tiada siapa yang melihatnya.**

Tanda-tanda amaran bahawa sesuatu mungkin tidak kena. Berhati-hati dengan seseorang yang berkata:

"Kita tiada pilihan lain"

"Hapuskan dokumen tersebut"

"Ia adalah cara kita bekerja di sini"

"Semua orang melakukannya"

"Tiada siapa yang akan tahu"

"Saya tidak mahu tahu"

"Semuanya adalah untuk kebaikan"

"Kita boleh menyorokkannya"

Membuat keputusan yang baik

Anda diamanahkan untuk membuat keputusan yang baik di JM.


Namun begitu, ada masanya, anda mungkin berdepan dengan keputusan yang sukar atau dilema, iaitu anda kurang jelas apa yang sepatutnya anda lakukan. Anda perlu menggunakan pertimbangan anda dan bertindak mengikut prinsip di dalam Kod dan nilai kita, berhenti sejenak, memikirkan dengan jelas tentang isu tersebut dan minta bantuan jika perlu.

Apakah dilema atau keputusan etika yang perlu saya buat



KEMUDIAN TANYA...

Soalan-soalan ini akan membantu anda apabila membuat keputusan yang sukar:



DAN SENTIASA INGAT:

Anda tidak sepatutnya merasa perlu membuat keputusan sukar sendirian atau tanpa sokongan.

BERHENTI!

Sekiranya anda menjawab tidak, atau anda tidak pasti apabila menjawab mana-mana soalan ini, anda perlu BERHENTI dan minta nasihat selanjutnya.

Anda boleh mendapatkan nasihat dengan melakukan mana-mana perkara berikut:

- ▶ Bercakap dengan pengurus anda
- ▶ Berunding dengan jabatan Sumber Manusia atau jabatan Undang-undang tempatan anda
- ▶ Bercakap dengan Duta Etika
- ▶ Berunding dengan pasukan Jabatan Etika dan Pematuhan

Atau melaporkan kebimbangan anda melalui Suarakan jika anda berasa tidak selesa dengan mana-mana kaedah lain.

Untuk maklumat lanjut tentang menyuarakan kebimbangan dan apa yang berlaku seterusnya, lihat halaman 10.

Meminta bantuan dan Bersuara

Saya akan meminta bantuan dan **Bersuara** apabila ada kebimbangan

Meminta bantuan

Kadang-kadang, anda mungkin berada dalam situasi yang mana anda tidak pasti akan tindakan yang terbaik. Kod ini menyediakan maklumat tentang pelbagai topik dan juga butiran pada sumber selanjutnya yang boleh memberikan panduan berguna. Jika selepas menyemak semua ini, anda masih ragu-ragu tentang apa tindakan yang perlu dilakukan, terdapat beberapa orang yang boleh membantu, termasuklah pengurus anda dan Sumber Manusia (HR). Lebih baik bertanya untuk bantuan daripada tidak berkata apa-apa langsung.

Bersuara

Akan tiba masanya apabila anda melihat, mengetahui, mendengar tentang atau mengesyaki sesuatu yang tidak selamat, tidak beretika atau melanggar undang-undang atau yang mungkin tidak mematuhi Kod, dasar dan prosedur kita. Dalam situasi ini, anda mempunyai tanggungjawab untuk **Bersuara** dan mengemukakan kebimbangan dengan segera. Lebih awal anda **Suarakan**, lebih besar kemungkinan impak situasi tersebut boleh dikurangkan. Jangan tunggu orang lain **Suarakan** atau sehingga ada perkara yang tidak sepatutnya berlaku sebelum **Disuarakan**.



Terdapat beberapa saluran berbeza yang boleh anda gunakan untuk meminta bantuan dan menyuarakan kebimbangan:

Pengurus anda

Sebagai garis panduan am, pengurus anda adalah orang pertama untuk dirujuk apabila anda mempunyai soalan, memerlukan nasihat selanjutnya atau ingin menyuarakan kebimbangan.

**HR, Jabatan Undang-undang,
Jabatan Etika dan Pematuhan**

Anda boleh memilih untuk bertanya soalan, meminta nasihat atau menyuarakan kebimbangan secara terus kepada HR, Jabatan Undang-undang atau Jabatan Etika dan Pematuhan.

Fungsi jabatan lain

Jika soalan atau kebimbangan anda adalah dalam bidang kepakaran fungsi jabatan lain, seperti Jabatan EHS, anda boleh mengemukakannya kepada orang hubungan tempatan atau kumpulan anda dalam fungsi ini.

Duta Etika

Duta Etika merupakan orang hubungan tambahan bagi anda untuk bertanya soalan, meminta panduan atau menyuarakan kebimbangan. Mereka harus mampu menunjukkan anda arah yang betul untuk mendapatkan nasihat atau membantu dengan pertanyaan umum.

Talian Suarakan

Anda boleh menggunakan talian **Suarakan JM**. Telefon/perkhidmatan dalam talian ini dihoskan secara berasingan daripada JM dan semua kebimbangan yang dikemukakan dalam cara ini disiasat mengikut arahan Panel Etika.

Untuk mendapatkan butiran perhubungan, atau menyuarakan kebimbangan dalam talian, anda boleh pergi ke:

www.JM.ethicspoint.com

Kami berazam untuk memastikan semua kebimbangan yang dikemukakan akan ditangani dengan segera dan teliti.

Meminta bantuan dan Bersuara bersambung

Sulit dan tidak diketahui

Apabila anda **Suarakan**, maklumat yang anda berikan akan ditangani secara rahsia. Ini bermakna bahawa ia hanya akan dikongsi dengan orang lain berdasarkan asas perlu tahu semata-mata.

Walaupun lebih mudah untuk Johnson Matthey menangani masalah apabila ia disuarakan secara terbuka, kami faham bahawa dalam sesetengah situasi, anda mungkin tidak berasa selesa melakukan hal ini. Jika anda tidak mahu identiti anda dikenal pasti apabila anda menyuarakan kebimbangan, anda boleh meminta ia tidak didedahkan melainkan anda membenarkannya atau jika pendedahan tersebut dikehendaki oleh undang-undang. Anda boleh menyuarakan kebimbangan tanpa menyatakan nama (sepertimana yang dibenarkan oleh undang-undang) dan juga secara terbuka melalui talian **Suarakan**.

Kami menggalakkan pelapor untuk memperkenalkan diri mereka setakat mana yang mungkin. Ini membolehkan pasukan siasatan:

- Menyemak fakta dan meminta penjelasan.
- Memastikan anda berasa yakin bahawa siasatan tidak akan mendedahkan identiti anda secara tidak sengaja atau mengarah kepada anda.
- Sentiasa memberikan kemas kini kepada anda sepanjang siasatan.
- Menyampaikan hasil siasatan kepada anda.

Kami tidak akan membenarkan tindakan balas

Kami menggalakkan anda untuk **Bersuara** dan syarikat akan melindungi pekerja yang menyuarakan kebimbangan mereka. Johnson Matthey memandang serius sebarang tuduhan tindakan balas atau diskriminasi terhadap sesiapa yang disebabkan oleh aduan kebimbangan atau membantu dalam penyiasatan. Kami akan menangani tindakan balas tersebut dengan mengambil tindakan tatatertib untuk melindungi orang yang melakukan perkara yang betul dengan **Bersuara**.

Pengurus langsung perlu sedar, dan sensitif terhadap, kemungkinan risiko tindakan balas terhadap sumber dan perlu berusaha secara aktif untuk mencegahnya.



Apa yang berlaku apabila saya Suarakan?

Kebimbangan yang anda **Suarakan** akan disampaikan kepada sekumpulan kecil individu daripada pasukan Jabatan Etika dan Pematuhan. Mereka akan menilai kebimbangan dan mempertimbangkan langkah seterusnya, termasuk meminta penjelasan daripada pelapor, dan menentukan siapa yang paling sesuai untuk menjalankan siasatan.

Setiap kes **Suarakan** dilaporkan ke Panel Etika. Panel Etika terdiri daripada Pimpinan Kanan dalam peranan yang bebas daripada mana-mana Sektor. Peranan Panel Etika termasuk memastikan terdapat semakan dan/atau siasatan yang berkesan terhadap kebimbangan yang **Disuarakan** dan bahawa siasatan dijalankan dengan adil dan konsisten. Setelah siasatan selesai, panel membuat saranan berdasarkan penemuan tersebut.

Untuk maklumat lanjut mengenai proses **Suarakan** sila hubungi **Duta Etika atau ahli pasukan Etika dan Pematuhan**.

Jika seseorang datang kepada anda dengan kebimbangan, anda perlu mendengar dengan teliti sebelum menilai situasi tersebut dan mempertimbangkan langkah seterusnya. Dalam sesetengah kes, masalah mungkin boleh diselesaikan tanpa mengemukakannya ke pihak lebih tinggi selain daripada mereka yang terlibat dan/atau pengurus yang berkenaan, tetapi anda sama sekali tidak harus ragu-ragu untuk memaklumkan Jabatan Etika dan Pematuhan jika anda ada kebimbangan. Dalam sesetengah hal lain, ia perlu diutarakan kepada fungsi jabatan yang betul. Jika anda mengalami sebarang masalah tentang tindakan yang perlu diambil, hubungi Jabatan Etika dan Pematuhan. Panduan langkah demi langkah praktikal yang lebih lanjut disediakan dalam dasar **Suarakan** untuk membantu anda apabila seseorang menyuarakan kebimbangan kepada anda.

Rujukan dan sumber tambahan

- Dasar **Suarakan**
- Sumber Manusia Tempatan
- Jabatan Perundangan
- Duta Etika
- Jabatan Etika dan Pematuhan

Saya akan...



Sila lihat
komitmen kita
di muka surat
sebelah >

JM



Saya akan memahami dan mengikuti prinsip-prinsip dalam Kod kita



Saya akan meminta bantuan dan Bersuara apabila ada kebimbangan



Saya akan bekerja dengan selamat dan menghormati hak orang lain



**Saya akan menjalankan perniagaan dengan
bertanggungjawab, adil dan sah**



**Saya akan melindungi jenama,
aset dan reputasi Johnson Matthey**



**Saya akan menyokong impian Johnson Matthey
untuk membina perniagaan yang mampan**

Komitmen kita

Apakah makna komitmen kita kepada Duta Etika kita?

Saya akan memahami dan mengikuti prinsip-prinsip dalam Kod kita

Saya akan meminta bantuan dan Bersuara apabila ada keimbangan

Saya akan bekerja dengan selamat dan menghormati hak orang lain

Saya akan menjalankan perniagaan dengan bertanggungjawab, adil dan sah

Saya akan melindungi jenama, aset dan reputasi JM

Saya akan menyokong impian Johnson Matthey untuk membina perniagaan yang mampan

“Membuat keputusan yang betul tidak selalunya mudah, tetapi Kod kita sangat berguna apabila saya buntu.”

“Saya berasa yakin untuk **Suarakan** dan mengemukakan keimbangan saya dan akan menggalakkan orang lain untuk berbuat demikian.”

“Di JM, kita semua mengutamakan keselamatan pekerja dan Kod ini memberikan penekanan tentang itu.”

“Bagi saya, ia adalah berkenaan menjalankan perniagaan dengan cara yang betul dan bukan dengan apa cara sekalipun.”

“Saya berbangga bekerja untuk JM, syarikat yang mempunyai reputasi yang baik dan nilainya mencerminkan nilai saya sendiri.”

“Dunia kita sentiasa berubah dan ia menjadi tanggungjawab kita semua untuk menjaga syarikat kita – sekarang dan untuk 200 tahun akan datang.”

Pekerja

Saya akan bekerja dengan selamat dan menghormati hak orang lain



Kesihatan dan keselamatan	18
Persekutaran kerja yang positif	21
Perlindungan data	24
Hak asasi manusia	26
Konflik kepentingan	29



Kesihatan dan keselamatan

Di Johnson Matthey, kesihatan dan keselamatan adalah keutamaan kami.

Hal ini bermaksud kita memberikan fokus pada perlindungan pekerja kita dan kita menetapkan piawai keselamatan yang tinggi. Dengan bekerjasama, kita dapat memastikan kita semua mempunyai persekitaran kerja yang selamat dan mencapai serta mengekalkan budaya keselamatan yang kukuh.

Prinsip Keselamatan

Semua pekerja mesti mematuhi Prinsip Keselamatan Johnson Matthey. Kami akan menyokong hal ini sebagai majikan dan Johnson Matthey mengharapkan anda mematuhi prinsip ini sebagai pekerja:

- ▶ Semua kecederaan dan penyakit yang berpunca daripada pekerjaan boleh dicegah.
- ▶ Semua orang bertanggungjawab dalam menghalang kecederaan dan penyakit yang berpunca daripada pekerjaan.
- ▶ Bekerja dengan selamat merupakan syarat pekerjaan.
- ▶ Dasar keselamatan nyawa dan peraturan keselamatan perlu dipatuhi.
- ▶ Kita akan menggalakkan kesihatan di luar tugas dan kesedaran keselamatan untuk pekerja kita.



Bagaimanakah ia berkaitan dengan saya?

- ▶ Saya tahu dan menyokong Dasar Keselamatan dan Piawai Kelakuan EHS dan bertindak sewajarnya.
- ▶ Saya terapkan kelakuan tempat kerja yang selamat setiap hari dan cuba mengurangkan risiko kesihatan dan keselamatan secara proaktif.
- ▶ Saya sedar dengan tindakan saya dan tindakan orang lain.
- ▶ Saya terlibat dalam mewujudkan dan menggalakkan satu persekitaran kerja yang selamat untuk semua orang.
- ▶ Saya mematuhi semua dasar EHS dan mempertikaikan sebarang keperluan dasar yang kelihatan tidak dapat dipatuhi.
- ▶ Saya memahami kepentingan keselamatan proses dan bagaimana ini membantu mencegah insiden signifikan seperti pelepasan bahan kimia berbahaya dan bertoksik.
- ▶ Saya tidak takut untuk berbual tentang keselamatan dengan sesiapapun, tidak kira apa tahap kekananan mereka.

Saya tidak akan:

- Tergesa-gesa atau mengambil jalan mudah untuk menyiapkan tugas.
- Menolak mentah-mentah isyarat amaran atau mengabaikan kelakuan yang tidak selamat.
- Gagal untuk menumpukan pada yang apa sedang saya lakukan dan apa yang sedang berlaku di sekeliling saya.
- Menganggap semuanya adalah selamat.
- Menjalankan tugas yang saya tidak cekap.

Apa yang akan ANDA lakukan?

S Semasa menaiki tangga, anda melihat seorang pengurus kanan berjalan menuruni tangga sambil membawa beberapa fail besar dan berat dengan kedua-dua belah tangan. Anda perhatikan beliau tidak memegang susur tangan kerana kedua-dua tangan beliau sedang memegang fail. Anda sedar bahawa, jika beliau tersadung, beliau tidak akan dapat menghalang dirinya daripada terjatuh dan berasa sakit kerana tidak memegang susur tangan.

J Kadang-kadang orang terlupa peraturan EHS yang paling ringkas, contohnya mengekalkan tiga titik sentuhan pada tangga. Adalah penting untuk berusaha membantu pengurus tersebut mengelakkan risiko terjatuh, jadi situasi tersebut perlu ditangani dengan segera. Juga penting untuk pengurus menunjukkan teladan yang baik, jadi membantu beliau berbuat demikian secara sopan akan mengukuhkan tingkah laku selamat pada masa akan datang dan membantu meningkatkan piawaian keseluruhan. Anda sama sekali tidak sepatutnya takut untuk membantu pekerja yang lebih kanan menunjukkan kelakuan yang selamat.

S Anda mengalami kemalangan kecil di tempat kerja dan menelefon dari rumah untuk bercakap dengan bos anda dan memberitahu anda perlu mengambil cuti selama beberapa hari seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Bos anda sebaliknya menasihati anda supaya mengambil cuti peribadi untuk mengelak melaporkan kemalangan tersebut, yang akan menjelaskan statistik jabatan.

J Menyembunyikan kemalangan di tempat kerja adalah bertentangan dengan dasar EHS JM dan boleh menjadi kesalahan jenayah di sesetengah negara. Anda hendaklah menegaskan kemalangan ini direkodkan dan mendekati wakil EHS anda jika ini tidak dilakukan.

Nilai teras Johnson Matthey adalah berkaitan dengan bahagian berikut:

- Melindungi pekerja dan planet
- Bertindak dengan integriti
- Bertanggungjawab ke atas apa yang kita lakukan

Rujukan dan sumber tambahan

- Dasar EHS Kumpulan
- Dasar Penyelamatan Nyawa Kumpulan

Persekutuan kerja yang positif

Kita semua memainkan peranan penting dalam mewujudkan persekitaran kerja yang membantu mendapatkan hasil yang terbaik daripada semua orang.

Sambil kita melaksanakan strategi kita untuk mewujudkan dunia yang lebih bersih, lebih sihat, hari ini dan untuk generasi akan datang, mewujudkan persekitaran kerja yang positif kekal penting untuk kejayaan kita.

Dasar, proses dan prosedur kita membentuk sebahagian daripada asas penting yang kita gunakan untuk melaksanakan peranan individu kita, dan adalah penting kesamaan, rangkuman dan integriti menguatkan asas ini.

Kami tidak bertolak ansur dengan sebarang kelakuan yang melanggar nilai-nilai kita, termasuk sebarang bentuk diskriminasi atau kelakuan ganas seperti buli atau gangguan dan mempunyai dasar yang ditetapkan untuk menangani situasi sedemikian.

Untuk mencapai potensi kita sepenuhnya, persekitaran kerja kita mestilah:

- ▶ **Membolehkan** peluang kerjasama di dalam dan luar JM.
- ▶ **Memperkasakan** semua orang untuk bertanya soalan, **Bersuara** dengan yakin apabila terdapat keimbangan.
- ▶ **Menerima** idea dan sudut pandangan yang berbeza.
- ▶ **Mengharapkan** semua orang bertanggungjawab ke atas pembangunan peribadi mereka dan menyokong orang lain melakukan perkara yang sama.



Persekitaran kerja yang positif bersambung

Bagaimakah ia berkaitan dengan saya?

- ▶ Saya secara aktif mendapatkan dan menghargai pandangan alternatif.
- ▶ Saya berbangga dalam menggabungkan sumbangan saya dengan sumbangan orang lain, untuk mencapai hasil yang terbaik.
- ▶ Saya bertanya soalan dan berdebat secara konstruktif untuk membuat keputusan yang wajar dan termaklum, dan mengambil tindakan.
- ▶ Saya memberikan sumbangan melangkaui pasukan saya, sama ada dalam JM atau dengan pelanggan kita.
- ▶ Saya bertanggungjawab terhadap pembangunan diri.
- ▶ Saya menumpukan untuk memahami apa yang dihargai oleh pelanggan dan rakan sekerja.
- ▶ Saya seorang yang inklusif dan menyokong, melayan semua orang dengan bermaruah dan penuh hormat.
- ▶ Saya buat apa yang betul, walaupun apabila ia sukar.
- ▶ Saya akui saya mungkin bersikap berat sebelah yang saya tidak sedari dan mencabar pertimbangan saya terhadap orang dan situasi.
- ▶ Saya menerima nilai JM dan menunjukkan kelakuan yang diharapkan dalam segala yang saya lakukan.



Apa yang akan ANDA lakukan?

S Semasa membuat persediaan untuk kajian semula prestasi dengan pekerja, anda menyedari keengganan individu tersebut untuk menerima idea rakan sekerja, terutamanya yang tidak sehaluan dengan idea mereka sendiri. Pekerja tersebut telah mencapai beberapa keputusan yang baik untuk pasukan tetapi kini akibatnya, beberapa ahli mula merasakan mereka dipandang rendah. Apa yang perlu anda lakukan?

J Cara kita melakukan sesuatu adalah sama pentingnya dengan apa yang kita lakukan. Kajian semula prestasi perlu ada fokus seimbang pada 'kelakuan' yang diharapkan dan juga penyampaian hasil. Dengan menetapkan objektif boleh diukur yang menumpukan pada hasil dan juga kelakuan, anda boleh menunjukkan komitmen kepada nilai JM dan persekitaran kerja yang positif. Jika tidak pasti cara untuk mendekati masalah tersebut, atau jika kelakuan tersebut berterusan, anda perlu mendapatkan panduan daripada pengurus langsung atau HR anda, menjelaskan kebimbangan tersebut dengan contoh-contoh khusus.

S Seorang rakan sekerja membuatkan anda berasa tidak selesa dengan mengeluarkan komen tidak sepatutnya melalui Skype dan e-mel yang mereka anggap gurauan dan perbualan tidak formal, tetapi anda rasa perkara ini tidak menggalakkan budaya inklusif yang sesuai di JM. Anda bimbang untuk memperbesarkan isu ini tetapi merasakan anda tidak boleh membiarkan ia berterusan kerana ia mempengaruhi perasaan anda untuk datang bekerja. Apa yang perlu anda lakukan?

J Jika anda rasa anda tidak dapat bercakap secara langsung dengan rakan sekerja anda mengenai perkara ini, dapatkan sokongan daripada pengurus langsung anda atau HR. Jika anda ingin bercakap dengan seseorang di luar pasukan/unit perniagaan anda, anda juga boleh menghubungi Jabatan Undang-undang atau **Jabatan Etika dan Pematuhan** untuk sokongan. Jika semua ini tidak berjaya, anda boleh menghubungi mana-mana ahli GMC. Apa jua jenis gangguan dan diskriminasi tidak boleh ditoleransi di JM.

Nilai teras Johnson Matthey adalah berkaitan dengan bahagian berikut:

- Bertindak dengan integriti
- Bekerja bersama
- Bertanggungjawab ke atas apa yang kita lakukan

Rujukan dan sumber tambahan

- Dasar Bekerjasama HR Kumpulan
- Dasar Peluang Sama Rata HR Kumpulan

Perlindungan data

Kami menghormati dan melindungi data peribadi yang kami kendalikan.

JM perlu mengumpul dan menggunakan data peribadi untuk menjalankan perniagaannya, dan ramai di kalangan kita menggunakan data ini (sama ada ia berkaitan dengan pekerja lain, pelanggan, pembekal atau yang lain) untuk melakukan kerja kita. Orang ramai perlu dapat mempercayai yang kita akan menghormati privasi mereka dan melindungi data peribadi mereka apabila mereka bekerja dengan kita atau berurusan dengan kita.

Data peribadi adalah apa-apa maklumat yang boleh digunakan untuk mengenal pasti individu sama ada secara berasingan atau digabungkan dengan orang lain. Ia mungkin fakta (contohnya nama, alamat e-mel, lokasi atau tarikh lahir) atau pendapat mengenai tindakan atau kelakuan seseorang sama ada dalam pekerjaan atau kehidupan peribadi mereka.

Terdapat undang-undang dan peraturan yang mengawal cara kita mengendalikan data peribadi di banyak negara yang JM beroperasi. Kita mesti selalu mematuhi undang-undang tempatan, tetapi paling tidak sekurang-kurangnya kita akan:

1. Hanya memproses data peribadi apabila kita mempunyai sebab perniagaan yang sah, atau keperluan undang-undang untuk berbuat demikian.
2. Bersikap terbuka dan telus dengan pekerja tentang cara kita menggunakan data peribadi mereka.
3. Hanya menggunakan data peribadi untuk tujuan asal kita mengumpulnya; melainkan kita mendapat persetujuan individu tersebut untuk menggunakan data bagi tujuan baru, atau jika kita mempunyai kewajipan undang-undang untuk berbuat demikian.
4. Hanya mengumpul jumlah data peribadi yang kita perlukan untuk menjalankan perniagaan kita.
5. Mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa sebarang data yang kita kumpul adalah tepat dan terkini.
6. Tidak menyimpan data peribadi untuk tempoh yang lebih lama daripada yang kita perlukan.
7. Memastikan data peribadi selamat, dan mengehadkan orang yang boleh mengaksesnya.
8. Memastikan bahawa mana-mana pihak ketiga yang kita berkongsi data peribadi juga akan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk melindunginya.
9. Menghormati hak-hak pekerja yang berkaitan dengan data tersebut.

Bagaimakah ia berkaitan dengan saya?

- ▶ Saya mesti memahami apa itu data peribadi.
- ▶ Saya hanya akan menggunakan data peribadi jika saya memerlukannya untuk pekerjaan saya.
- ▶ Saya tidak akan menyimpan data peribadi untuk tempoh lebih lama daripada yang diperlukan.
- ▶ Saya akan menyimpan data peribadi dengan selamat.
- ▶ Saya hanya akan berkongsi data peribadi berdasarkan keperluan untuk tahu.

Apa yang akan ANDA lakukan?

S Anda telah dihubungi oleh seseorang yang memohon untuk mendapatkan maklumat tentang bekas rakan sekerja anda yang baru sahaja meninggalkan Johnson Matthey kerana ingin mengucapkan selamat maju jaya dalam jawatan baru yang disandang oleh rakan anda itu.

J Anda tidak boleh memberikan maklumat ini tanpa mendapat kebenaran daripada individu tersebut terlebih dahulu. Anda patut menghubungi terus jabatan Sumber Manusia tempatan anda atau, jika anda masih berhubung dengan bekas rakan sekerja anda, anda boleh menawarkan untuk mengambil pesanan dan sampaikan terus kepadanya.

S Anda seorang pengurus langsung dan menyedari bahawa anda telah tersilap menghantar surat akuan doktor kepada orang lain dan bukannya kepada HR.

J Anda mesti cuba menarik balik mesej tersebut dengan serta-merta dan perlu menghubungi orang yang anda menghantarkannya, memberitahu mereka ia tersilap dihantar dan meminta ia dipadamkan tanpa dibuka. Jika anda tidak dapat menghubungi mereka, anda perlu mendapatkan nasihat daripada pasukan Perlindungan Data di DPO@matthey.com.

Untuk mencegah perkara ini menjadi satu masalah, anda hendaklah mengelak menghantar maklumat bersifat sensitif melalui e-mel. Jika anda tiada alternatif lain, anda mesti melindungi dokumen tersebut dengan kata laluan terlebih dahulu dan menghantar kata laluan tersebut secara berasingan, bukannya dengan e-mel (cth. SMS atau IM). Sentiasa semak anda mempunyai penerima yang betul sebelum menghantar.

Nilai teras Johnson Matthey adalah berkaitan dengan bahagian berikut:

- Melindungi pekerja dan planet kita
- Bertindak dengan integriti
- Bertanggungjawab ke atas apa yang kita lakukan

Rujukan dan sumber tambahan

- Dasar Perlindungan Data
- Dasar Sekuriti Maklumat
- DPO@matthey.com
- Laman myJM Jabatan Etika dan Pematuhan

Hak asasi manusia

Menghormati hak asasi manusia adalah asas kepada cara kita menjalankan perniagaan.

Kami tahu bahawa kami bertanggungjawab ke atas impak aktiviti perniagaan terhadap individu yang bekerja dengan kami dan individu di dalam komuniti yang kami beroperasi.

Kami bertindak dengan tanggungjawab yang diberi dengan menggunakan pengaruh yang ada untuk mempromosi dan melindungi hak asasi manusia kepada sesiapapun kita bekerja dan bekerjasama.

Johnson Matthey menyokong prinsip yang digariskan dalam Konvensyen Teras Pertubuhan Buruh Antarabangsa, 'the United Nations ('UN') Global Compact and the UN Guiding Principles' untuk Perniagaan dan Hak Asasi Manusia. Johnson Matthey mematuhi undang-undang dan peraturan yang dapat dikenakan berkenaan keadaan kerja, piawaian buruh, perhambaan moden, penyeludupan manusia, diskriminasi dan gangguan.



Antara prinsip yang disokong oleh kita adalah:

- ▶ Kami mengiktiraf kemahiran dan sumbangan setiap pekerja dan memastikan mereka diberikan ganjaran yang sepatutnya dan setimpal.
- ▶ Kami menggalakkan imbang yang sihat antara kehidupan bekerja dan hal peribadi dengan memastikan waktu bekerja dan lebih masa mematuhi semua undang-undang yang berkaitan.
- ▶ Kami tidak akan mengambil bekerja mana-mana orang yang berumur bawah 16 tahun dan akan mematuhi semua undang-undang yang melarang buruh kanak-kanak. Kami hanya mengambil pekerja yang berumur antara 16-18 tahun bekerja sekiranya ia sebahagian daripada program latihan yang dipantau.
- ▶ Kami tidak akan menggunakan apa jua jenis perhambaan atau buruh paksa dan kami melarang penyeludupan manusia.
- ▶ Kami komited untuk menghormati komunikasi antara pekerja secara terbuka tanpa rasa takut dikenakan tindakan, sama ada melalui pengurusan atau badan perunding luar lain.
- ▶ Kami tidak bertolak ansur terhadap sebarang diskriminasi ke atas jantina, status perkahwinan, umur, kaum, asal etnik, orientasi seksual, kepercayaan agama, ketidakupayaan dan apa-apa perlakuan lain yang diliidungi.
- ▶ Kami melarang semua penderaan fizikal dan lisan atau gangguan disiplin, seksual atau gangguan lain dan sebarang bentuk ugutan lain.
- ▶ Kami akan menjadi meritokrasi sejati yang mengalu-alukan semua bentuk perbezaan dan yang menerima kepelbagai dan menggalakkan kesamaan dan rangkuman, berdasarkan nilai-nilai bersama.

Bagaimakah ia berkaitan dengan saya?

- ▶ Saya sentiasa sedar tentang kesan besar tindakan saya ke atas orang lain.
- ▶ Saya menghormati hak asasi manusia dengan semua yang saya temui sepanjang saya menjalankan tugas.
- ▶ Saya komited untuk menggalakkan budaya yang pelbagai dan terangkum di Johnson Matthey.
- ▶ Saya bertanggungjawab untuk menyuarakan keimbangan tentang perhambaan moden dan penderaan berkaitan buruh yang lain di mana-mana bahagian di Johnson Matthey.

Apa yang akan ANDA lakukan?

S Anda mempunyai kekosongan dalam pasukan anda. Salah seorang calon yang memohon untuk peranan ini telah berkahwin baru-baru ini dan berterus-terang tentang ingin mempunyai anak tidak lama lagi. Latihan yang diperlukan untuk peranan tersebut adalah mahal dan anda tidak mahu menghabiskan wang untuk latihan tersebut jika individu itu akan mengambil cuti bersalin dalam masa terdekat. Adakah anda masih perlu mempertimbangkan individu ini?

J Ya, anda mesti mempertimbangkan calon tersebut. Kami mengambil individu bekerja berdasarkan kebolehan mereka, bukan berdasarkan status perkahwinan atau status ibu bapa. Untuk menentukan sama ada individu tersebut berkelayakan untuk peranan tersebut, anda mesti mempertimbangkan sepenuhnya kemahiran dan pengalaman mereka secara adil. Jika anda ada pertanyaan, anda perlu menghubungi pasukan HR tempatan anda.

S Saya dengar secara tidak rasmi bahawa salah satu pembekal kita sedang disiasat untuk kesalahan menggaji buruh kanak-kanak. Mereka pembekal yang baik dan saya tidak tahu tentang apa-apa masalah sebelum ini. Patutkah saya mengabaikan khabar angin itu kerana kita tidak ada sebarang bukti sebenar?

J Tidak. Johnson Matthey mempunyai tanggungjawab untuk menghormati hak asasi manusia dan ini termasuk tidak memberlakukan eksploitasi kanak-kanak. Anda perlu memberitahu pengurus dan pasukan pemerolehan anda dengan segera dan mereka akan menasihati anda langkah seterusnya bagi memastikan piawaian kita dipatuhi.

Nilai teras Johnson Matthey adalah berkaitan dengan bahagian berikut:

- ❑ Melindungi pekerja dan planet
- ❑ Bertindak dengan integriti
- ❑ Bekerja bersama
- ❑ Bertanggungjawab ke atas apa yang kita lakukan

Rujukan dan sumber tambahan

- Jabatan Sumber Manusia Tempatan dan Kumpulan
- Dasar HR
- Jabatan Etika dan Pematuhan
- Jabatan Undang-undang
- Jabatan Kemampanan
- Pernyataan Perhambaan Moden JM
- Laman myJM Jabatan Etika dan Pematuhan

Konflik kepentingan

Kami sentiasa peka dengan masalah yang timbul berkaitan konflik kepentingan pekerja dan konflik kepentingan Johnson Matthey sendiri.

Konflik kepentingan timbul apabila terdapat potensi untuk hal peribadi, sosial, kewangan, aktiviti politik atau perhubungan seseorang pekerja, mempengaruhi pertimbangan atau kebebasan beliau dalam melakukan sesuatu yang terbaik demi Johnson Matthey.

Konflik kepentingan akan menimbulkan rasa ragu-ragu terhadap kualiti keputusan perniagaan yang dibuat serta integriti individu yang membuat keputusan tersebut. Persepsi berkaitan konflik kepentingan membawa kesan yang sama seperti konflik kepentingan yang sebenar. Kami mengharapkan pekerja kami untuk bertindak secara berintegriti dan mengelak daripada berlaku sebarang konflik kepentingan sebenar dan sama ada mengelak atau, dengan kelulusan syarikat, menguruskan sebarang konflik kepentingan yang dilihat atau yang bakal berlaku.

Penting untuk memaklumkan kepada pengurus anda, HR, Jabatan Undang-undang atau Jabatan Etika dan Pematuhan dengan segera tentang sebarang situasi yang anda yakin dapat menimbulkan kemungkinan, bakal atau konflik kepentingan sebenar supaya tindakan yang sepatutnya dapat diambil. Selalunya, konflik kepentingan yang berlaku dapat diselesaikan dengan cara yang mudah dan dapat diterima oleh kedua-dua pihak apabila berbincang secara terbuka dan pada kadar segera.



Konflik kepentingan bersambung

Berikut merupakan beberapa situasi biasa yang dapat menimbulkan konflik kepentingan:

- ▶ Pemilikan atau pelaburan dalam sebuah syarikat yang berurusan dengan atau pesaing Johnson Matthey.
- ▶ Menggaji atau menyelia keluarga atau rakan.
- ▶ Keluarga atau rakan yang bekerja untuk pelanggan, pembekal atau pesaing.
- ▶ Ahli dalam lembaga pengarah luaran.

Bagaimakah ia berkaitan dengan saya?

- ▶ Saya mengelak daripada situasi yang boleh menyebabkan konflik kepentingan peribadi saya dengan kepentingan Johnson Matthey
- ▶ Saya mendedahkan dengan segera sebarang konflik sebenar, berkemungkinan atau yang disyaki kepada pengurus saya, HR, Jabatan Perundangan atau Jabatan Etika dan Pematuhan (dan akan melengkapkan Borang Laporan Konflik Kepentingan untuk menyokong makluman saya) supaya ia boleh ditangani dan diselesaikan dengan seujarnya secepat mungkin.
- ▶ Saya mendapatkan nasihat pengurus saya atau Jabatan Undang-undang jika saya kurang pasti sama ada situasi tertentu dapat menimbulkan konflik kepentingan.



Apa yang akan ANDA lakukan?

Satu kekosongan dibuka di kawasan operasi anda dan anda merasakan rakan anda mungkin berminat untuk memohon. Namun begitu, anda tidak pasti sama anda boleh mencadangkan namanya kerana hubungan anda.

J Sesetengah pekerja terbaik kita adalah hasil rujukan pekerja kita sendiri. Jika anda merasakan rakan anda berkelayakan dan dapat menjadikan syarikat lebih baik, anda patut mencadangkan namanya dan juga hubungan anda kepada pasukan HR tempatan anda. Anda perlu memastikan anda tidak terlibat dengan proses pengambilan dan jawatan tersebut tidak diselia oleh anda secara langsung atau tidak langsung.

S Anda diminta untuk bekerja dengan lembaga entiti yang tidak mendatangkan sebarang keuntungan yang menjalankan kajian dalam bidang berkaitan dengan kerja anda di Johnson Matthey. Anda ingin menerima kerja tersebut dan yakin peluang ini dapat menjadi peluang perkembangan kerjaya anda yang cukup menarik.

J Anda sepatutnya berbincang secara terbuka tentang hal ini dengan pengurus anda. Bukan sahaja jawatan ini akan menimbulkan konflik kepentingan tetapi isu persaingan juga perlu diambil kira. Jika terdapat tindakan yang munasabah dapat dipersetujui (dan didokumenkan dalam Borang Laporan Konflik Kepentingan) dan menyingkirkan potensi konflik kepentingan atau isu persaingan, Johnson Matthey mungkin akan meluluskan anda untuk menerima jawatan yang ditawarkan.

Nilai teras Johnson Matthey adalah berkaitan dengan bahagian berikut:

- Bertindak dengan integriti
- Bertanggungjawab ke atas apa yang kita lakukan

Rujukan dan sumber tambahan

- Laman myJM Jabatan Etika dan Pematuhan
- Dasar Konflik Kepentingan
- Panduan Konflik Kepentingan
- Jabatan Undang-undang
- Jabatan Etika dan Pematuhan
- HR Kumpulan atau Tempatan



Pasaran

Saya akan menjalankan perniagaan dengan bertanggungjawab, adil dan secara sah




Pihak ketiga	34
Rasuah dan korupsi	37
Ganjaran dan hospitaliti	40
Persaingan adil	43
Jenayah kewangan	46
Kawalan perdagangan dan eksport	49
Tanda amaran urus niaga	52

Pihak ketiga

Kita perlu memastikan bahawa kita mengenali individu yang berurusan dengan kita sepanjang masa.

Kita perlu memastikan bahawa kita tidak bekerja dengan pihak ketiga yang merosakkan reputasi Johnson Matthey dengan terlibat dalam sikap tidak beretika atau aktiviti rasuah. Kita mesti mengenali individu yang berurusan dengan kita supaya kita dapat mematuhi undang-undang teknikal yang terperinci yang menitikberatkan isu sogokan dan rasuah, kawalan perdagangan dan eksport serta pencegahan pengubahan wang haram. Kita juga perlu memastikan bahawa kita tidak secara langsung membantu amalan rasuah dan tidak beretika dengan membenarkan wang atau bahan jatuh ke tangan yang salah.

Di Johnson Matthey, terdapat prosedur yang membantu kita mengenali identiti individu yang berurusan dengan kita sama ada mereka pelanggan, pembekal, rakan kongsi, ejen, pengedar, pembekal logistik atau mana-mana pihak ketiga lain yang mempunyai hubungan komersial atau yang lain dengan kita. Khususnya, kita mempunyai Prosedur Perantara Pihak Ketiga Berisiko Tinggi (yang berkaitan dengan ejen, pengedar, pengantara kerajaan dan pembekal logistik tertentu di negara berisiko paling tinggi) untuk membantu kita menguruskan risiko semasa berurusan dengan pihak ini sepanjang hubungan kerja mereka dengan JM. Kita hanya akan bekerjasama dengan golongan yang mempunyai integriti dan mencapai tahap tanggungjawab dan etika tatacara perniagaan Johnson Matthey.



Bagaimanakah ia berkaitan dengan saya?

- ▶ Saya mengharapkan pembekal saya, pekerja dan rantaian bekalan pembekal mereka untuk beroperasi menurut standard kualiti dan integriti Johnson Matthey.
- ▶ Saya memastikan bahawa pemeriksaan terperinci yang sepatutnya dijalankan terhadap pelanggan, pembekal dan pengantara pihak ketiga sebelum berurus dengan mereka.
- ▶ Saya memastikan bahawa apabila saya berurus dengan pengantara pihak ketiga berisiko tinggi, saya mengikuti Prosedur Pengantara Pihak Ketiga Berisiko Tinggi.
- ▶ Saya sentiasa peka dalam mengenal pasti sebarang tanda-tanda amaran yang menunjukkan kelakuan menyalahi undang-undang, rasuah atau sebarang bentuk kelakuan yang tidak beretika.

Tanda amaran urus niaga

Dalam mana-mana urus niaga atau interaksi dengan pihak ketiga, mungkin terdapat tanda atau isyarat bahawa ada sesuatu yang tidak kena. Ini dipanggil tanda amaran urus niaga atau 'red flags' dan perlu dikemukakan kepada Jabatan Undang-undang atau Jabatan Etika dan Pematuhan untuk siasatan. Untuk maklumat lanjut mengenai cara mengenal pasti tanda amaran urus niaga, rujuk senarai contoh di halaman 52.

Apa yang akan ANDA lakukan?

S Anda mempunyai masa singkat untuk melantik seorang ejen yang penting di Malaysia untuk mendapatkan satu kontrak besar dalam satu pasaran baru. Anda tidak mempunyai masa untuk melakukan pemeriksaan terperinci terhadap ejen tersebut tetapi anda ingin berurusan dengannya hari ini.

J Anda tidak boleh berurusan dengan ejen ini sehingga mereka diterima di bawah Prosedur Pengantara Pihak Ketiga Berisiko Tinggi. Anda perlu menyediakan justifikasi perniagaan dan mendapat kelulusan dan juga melakukan pemeriksaan terperinci yang sewajarnya dan memasuki kontrak yang diluluskan. Anda sepatutnya berbincang dengan Jabatan Undang-undang atau Jabatan Etika dan Pematuhan untuk mendapatkan bimbingan lanjut. Mereka akan membantu anda untuk menjalankan proses pemeriksaan terperinci dan meletakkan syarat kontrak yang berkaitan.

S Anda baru-baru ini mula membekalkan barang kepada pelanggan baru. Anda perhatikan bahawa beberapa bayaran untuk barang tersebut diterima daripada entiti yang kelihatan tidak berkaitan di negara berbeza dan barang tersebut tidak dihantar ke negara yang pelanggan anda berada.

J Anda patut mengambil langkah untuk mengelak daripada menerima sebarang pembayaran selepas itu sehingga anda memahami situasi tersebut sepenuhnya dan telah memastikan bahawa pemeriksaan yang sewajarnya terhadap semua pihak telah dijalankan. Adalah penting untuk kita bukan sahaja tahu siapa semua pelanggan kita, tetapi turut memastikan bahawa pembayaran hanya dibuat oleh pelanggan yang berkaitan dan barang serta teknologi kita tidak dilencangkan kepada entiti yang kita tidak akan jual secara langsung kepadanya. Berbincang dengan Jabatan Undang-undang atau Jabatan Etika dan Pematuhan untuk mendapatkan bimbingan lanjut.

Nilai teras Johnson Matthey adalah berkaitan dengan bahagian berikut:

- Bertindak dengan integriti
- Bekerja bersama

Rujukan dan sumber tambahan

- Dasar Anti Rasuah dan Korupsi Kumpulan
- Dasar dan Prosedur Urus Niaga Berisiko Tinggi Kumpulan
- Sektor Perundangan
- Dasar Jenayah Kewangan
- Jabatan Etika dan Pematuhan
- Jabatan Kemampanan

Rasuah dan Korupsi

Kami komited untuk mengatasi sebarang bentuk rasuah dan korupsi dan kami menggunakan pendekatan toleransi sifar terhadap sebarang aktiviti rasuah.

Tiada ruang dalam perniagaan kita untuk menawarkan atau menerima sebarang bentuk bayaran yang tidak wajar atau sogokan.

Rasuah ialah aktiviti menawarkan, memberi atau menerima sebarang bayaran, kelebihan atau ganjaran yang bertujuan untuk mempengaruhi keputusan atau hasil yang dicapai secara tidak wajar. Rasuah boleh dilakukan dalam pelbagai cara termasuk pemberian tunai, hadiah, layanan hospitaliti, perbelanjaan promosi, barang yang mempunyai nilai tunai (seperti kad ganjaran), perkhidmatan, bantuan, sumbangan politik atau derma amal, antara lainnya.

Korupsi adalah kelakuan haram, tidak beretika dan menyalahi undang-undang yang bertujuan untuk mendapatkan kelebihan. Ia termasuk sogokan, penipuan, peras ugut, pencurian, penyalahgunaan kuasa dan pengubahan wang haram.

Bayaran pemudahan ialah bayaran kecil yang tidak rasmi yang dibuat untuk mendapatkan atau mempercepatkan perjalanan proses rutin yang dijalankan oleh pegawai bertugas. Bayaran ini dilihat sebagai sogokan (tanpa mengira saiz atau amalan perniagaan tempatan) dan ia biasanya aktiviti haram.

Bukan sahaja kami tidak menawarkan, memberi atau menerima sogokan malah, pihak ketiga (seperti ejen, pengedar/penjual semula, pembekal logistik, perantara kerajaan, dll.) yang bertindak bagi pihak Johnson Matthey juga tidak dibenarkan menawarkan, memberi atau menerima sogokan.



Rasuah dan korupsi bersambung

Berurusan dengan pegawai awam

Kita, sama sekali tidak boleh menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa yang bernilai kepada mana-mana pegawai awam, secara langsung atau tidak langsung, dengan niat untuk mempengaruhi mereka dalam tugas mereka atau cuba mendapatkan atau mengekalkan perniagaan atau kelebihan perniagaan. Khususnya, berhati-hati apabila berurusan dengan pekerja entiti milik negara, kerana individu ini boleh dianggap pegawai awam di sesetengah negara. Untuk pastikan, pekerja hendaklah selalu merujuk Jabatan Undang-undang bila-bila terdapat keraguan sama ada seseorang individu adalah pegawai awam.

Rujuk bahagian Ganjaran dan hospitaliti di halaman 40 untuk membaca lebih lanjut tentang cara untuk berwaspada semasa bekerja dengan pegawai awam.

Bagaimanakah ia berkaitan dengan saya?

- ▶ Saya tidak akan sesekali menawarkan, memberi atau menerima rasuah.
- ▶ Saya bertanggungjawab untuk menghalang, mengenal pasti dan melaporkan kegiatan rasuah dan korupsi.
- ▶ Saya akan menghindarkan diri daripada sebarang aktiviti yang boleh menyebabkan atau menunjukkan rasuah atau korupsi berlaku.
- ▶ Saya sedar bahawa kelakuan yang menunjukkan rasuah atau korupsi boleh merosakkan reputasi saya sebagai pekerja berintegriti dan juga reputasi Johnson Matthey serta menghalang kita daripada menjalankan perniagaan.

Tanda amaran urus niaga

Dalam mana-mana urus niaga atau interaksi dengan pihak ketiga, mungkin terdapat tanda atau isyarat bahawa ada sesuatu yang tidak kena. Ini dipanggil tanda amaran urus niaga atau 'red flags' dan perlu dikemukakan kepada Jabatan Undang-undang atau Jabatan Etika dan Pematuhan untuk siasatan. Untuk maklumat lanjut mengenai cara mengenal pasti tanda amaran urus niaga, rujuk senarai contoh di halaman 52.

Apa yang akan ANDA lakukan?

S Pemeriksaan kastam ditangguhkan pada satu kiriman bahan kimia yang sangat bernilai. Malangnya, tiada prosedur rasmi untuk mempercepatkan proses pemeriksaan. Namun begitu, anda diberitahu oleh pegawai kastam jika Johnson Matthey memberikan sedikit bayaran, kiriman itu akan diluluskan esok; jika tidak pemeriksaan akan mengambil masa berminggu-minggu lamanya.

J Pembayaran ini dipanggil sebagai bayaran pemudahan dan ini ialah bayaran yang menyalahi undang-undang. Jangan buat pembayaran dan lapor dengan segera kepada pengurus anda dan Jabatan Undang-undang atau Jabatan Etika dan Pematuhan untuk nasihat lanjut.

S Rakan sekerja anda memaklumkan beliau berurusan dengan pembekal baru untuk Johnson Matthey. Anda terkejut mendengarnya kerana anda tahu harga pembekal tersebut adalah di atas pasaran. Anda mengesyaki sesuatu apabila mendapat tahu pembekal itu mengambil anak rakan sekerja anda bekerja tidak lama selepas kontrak ditandatangani.

J Anda patut **Suarakan**. Kemukakan isu tersebut kepada pengurus anda, Jabatan Undang-undang atau Jabatan Etika dan Pematuhan. Rakan sekerja anda mungkin telah menerima sogokan dalam bentuk pekerjaan untuk anak lelakinya. Sekiranya benar, rakan sekerja anda bukan sahaja merampas peluang Johnson Matthey untuk mendapat manfaat daripada tawaran yang lebih menguntungkan daripada pembekal lain, ia juga mungkin menjadi satu kesalahan dan mendedahkan Johnson Matthey kepada liabiliti undang-undang. Anda perlu melaporkan kecurigaan anda dengan segera, supaya ia boleh disiasat dan, jika perlu, kesan memudaratkan daripada tingkah laku rakan sekerja anda boleh dikurangkan.

Nilai teras Johnson Matthey adalah berkaitan dengan bahagian berikut:

- Bertindak dengan integriti
- Bertanggungjawab ke atas apa yang kita lakukan

Rujukan dan sumber tambahan

- Laman myJM Jabatan Etika dan Pematuhan
- Dasar Anti Rasuah dan Korupsi Kumpulan
- Prosedur Perantara Pihak Ketiga Berisiko Tinggi
- Jabatan Undang-undang
- Jabatan Etika dan Pematuhan

Ganjaran dan hospitaliti

Kita sentiasa teliti dalam membuat tawaran, memberi atau menerima ganjaran dan hospitaliti.

Ganjaran dan hospitaliti boleh digunakan untuk membina atau menjaga hubungan perniagaan yang mesra dan sah. Namun, kadang kala sukar untuk membezakan antara ganjaran dan hospitaliti tulen dan sogokan, dan kita perlu sentiasa memikirkan dengan teliti tentang cara kita membelanjakan wang dan sumber Johnson Matthey.

Apabila sebarang ganjaran dan hospitaliti yang ditawarkan, diberi atau diterima, gunakan pertimbangan anda dan tentukan sama ada penerimaan ganjaran atau hospitaliti tersebut menepati Dasar Anti Rasuah dan Korupsi Kumpulan kita dan sebarang prosedur tempatan yang memerlukan kelulusan awal, had kewangan dan rekod kewangan yang berkaitan dengan perniagaan anda. Di samping itu, anda perlu mempertimbangkan dengan lebih meluas tentang tanggapan terhadapnya dan sama ada ia kegunaan yang baik untuk wang dan sumber Johnson Matthey. Jika ragu-ragu, bertanya kepada Jabatan Undang-undang atau Jabatan Etika dan Pematuhan untuk mendapatkan bimbingan lanjut.

Sebarang ganjaran atau hospitaliti mestilah:

- ▶ Ditawarkan, diberikan atau diterima dengan **niat baik** – bertujuan untuk membina atau mengekalkan hubungan perniagaan sah atau tanda penghargaan yang lazim; dan sama ada:
 - **Dalam bentuk token** atau nilai yang minimum (seperti barang promosi yang kecil, diari, kalender atau barang serupa lain yang memaparkan logo atau jenama pembekal); atau
 - Mempunyai nilai yang **rendah** dan tidak mewah atau berlebih-lebihan
- ▶ **Munasabah dan bersesuaian** dari segi jenis, nilai dan situasi serta kekerapan diberi dalam situasi tertentu, termasuk dalam konteks sensitiviti budaya tempatan.
- ▶ **Konsisten** dalam amalan perniagaan yang munasabah.
- ▶ **Sah** dan dibenarkan menurut dasar hospitaliti dan ganjaran penerima itu sendiri.

Ganjaran dan pemberian hospitaliti kepada pegawai awam

Sesetengah negara mempunyai peraturan yang ketat terhadap nilai dan bentuk ganjaran dan hospitaliti yang boleh diterima oleh pegawai awam negara tersebut. Oleh itu, langkah berjaga-jaga perlu diambil dan anda perlu mendapatkan kelulusan terlebih dahulu untuk sebarang ganjaran dan hospitaliti yang ditawarkan, diterima atau diberi kepada/daripada pegawai awam. Selain itu, kita mestilah sedar bahawa definisi siapakah 'pegawai awam' mungkin berbeza-beza di antara negara-negara yang berlainan termasuk individu yang terlibat dalam perniagaan milik negara. Ingat, bukan selalu identiti seseorang individu sebagai pegawai awam itu jelas dapat dilihat dan dikenal pasti, jadi, jika anda berasa curiga tentang identiti individu yang berurusan dengan anda, sila buat pertanyaan, dan berunding dengan Jabatan Undang-undang atau Jabatan Etika dan Pematuhan, mengikut keperluan.

Bagaimanakah ia berkaitan dengan saya?

- ▶ Saya tidak akan menawar, memberi atau menerima ganjaran atau hospitaliti yang merupakan, atau mungkin kelihatan seperti sogokan.
- ▶ Saya memikirkan dengan teliti sebelum menawarkan, memberi atau menerima sebarang ganjaran atau hospitaliti dan sama ada ia konsisten dengan Dasar Anti-Rasuah dan Korupsi Kumpulan JM.
- ▶ Saya selalu mendapatkan kelulusan terlebih dahulu jika ingin menawarkan sebarang ganjaran atau hospitaliti kepada pegawai awam.
- ▶ Saya perlu mendapatkan kebenaran terlebih dahulu jika saya berasa ragu-ragu terhadap kesesuaian sesuatu ganjaran atau hospitaliti.

Berikut merupakan beberapa contoh ganjaran atau layanan tertentu yang tidak boleh diterima, tanpa mengira nilai ganjaran tersebut:

- Merangkumi wang tunai atau barang yang mempunyai nilai tunai.
- Tidak bermoral atau beretika (contoh: mempunyai unsur luah atau seksual).
- Tersembunyi (diberikan secara rahsia dan bukannya secara terbuka).
- Berkemungkinan untuk menimbulkan atau dilihat menimbulkan konflik kepentingan.



Apa yang akan ANDA lakukan?

S Anda menerima kad hadiah bernilai £50 daripada pembekal. Ia hanya boleh digunakan untuk mendapatkan barang di rangkaian kedai yang khusus. Bolehkah anda menerimanya?

J Tidak, anda tidak boleh terima kad hadiah, sijil atau baucar, walau apa jua nilainya, daripada mana-mana rakan niaga, kerana ia dianggap mempunyai nilai tunai dan dasar kita tidak membenarkan menawarkan atau menerima tunai atau ganjaran yang mempunyai nilai tunai. Anda perlu menolak kad hadiah tersebut dengan sopan dan menjelaskan kepada pembekal yang anda tidak dapat menerimanya menurut panduan ganjaran dan hospitaliti JM.

S Anda ingin menganjurkan persidangan teknikal selama dua hari untuk pelanggan utama anda dan rakan niaga lain. Objektif utama acara tersebut adalah untuk menggalakkan pembangunan teknikal akan datang dan juga mengukuhkan hubungan perniagaan. Adakah ini dibolehkan?

J Ya. Menganjurkan persidangan dengan tujuan perniagaan yang ditetapkan dengan jelas ialah amalan perniagaan yang boleh diterima di JM. Apabila mengaturkan persidangan, anda perlu ingat untuk mematuhi prinsip ganjaran dan hospitaliti. Semua hospitaliti termasuk hidangan, penginapan dan sebarang aktiviti santai mestilah bernilai sederhana dan tidak mewah atau berlebih-lebihan. Ia bukan amalan biasa untuk menampung kos perjalanan tetamu anda. Jika anda tidak pasti atau memerlukan panduan selanjutnya, hubungi Jabatan Etika dan Pematuhan anda.

Nilai teras Johnson Matthey adalah berkaitan dengan bahagian berikut:

- Bertindak dengan integriti
- Bertanggungjawab ke atas apa yang kita lakukan

Rujukan dan sumber tambahan

- Laman myJM Jabatan Etika dan Pematuhan
- Dasar Anti Rasuah dan Korupsi Kumpulan
- Peraturan/panduan ganjaran dan hospitaliti tempatan
- Jabatan Undang-undang
- Jabatan Etika dan Pematuhan

Persaingan adil

Kita tahu bahawa bersaing secara terbuka dan adil adalah yang terbaik untuk menjalankan perniagaan.

Pasaran yang mempunyai persaingan menunjukkan bahawa pengguna mempunyai akses kepada barang berkualiti tinggi pada harga yang terbaik dan membenarkan syarikat paling efisien untuk bertahan dan berkembang.

Undang-undang persaingan (kadangkala dipanggil undang-undang pencegahan monopoli atau anti-trust) boleh menjadi sangat rumit dan mungkin terdapat perbezaan antara negara. Namun begitu, terdapat unsur-unsur yang sama digunakan berkenaan perjanjian yang dimasuki bersama pihak lain dalam rantaian bekalan (khasnya, pesaing kita), perkongsian maklumat komersial yang sensitif, dan cara kita bertindak apabila kita mempunyai syer yang besar dalam suatu perniagaan atau pasaran.

Berhati-hati dengan aktiviti berikut yang merupakan pencegah persaingan:


- ▶ Berbincang atau berkongsi maklumat persaingan sensitif dengan pesaing termasuk harga, pelanggan atau strategi.
- ▶ Berbincang atau bersetuju dengan pembahagian atau perkongsian pelanggan, wilayah atau pasaran dengan pesaing.
- ▶ Bersetuju dengan pesaing tentang cara (atau sama ada) kita akan membida untuk kontrak tertentu.



Persaingan adil bersambung

Bagaimakah ia berkaitan dengan saya?

- ▶ Saya sentiasa beringat tentang risiko undang-undang persaingan apabila berurusan dengan pihak ketiga (khasnya, pesaing, individu dalam rangkaian bekalan saya dan pelanggan) dan memahami dan memastikan bahawa Johnson Matthey perlu membuat keputusan bebas dalam isu harga dan strategi.
- ▶ Saya tidak pernah terlibat dalam aktiviti pencegahan persaingan.
- ▶ Saya sedar bahawa pelanggan dalam satu pasaran Johnson Matthey mungkin seorang pesaing bagi pasaran lain Johnson Matthey dan saya pastikan saya bertindak seperti yang sepatutnya.
- ▶ Saya pastikan jika saya bertemu dengan pesaing, saya mengelak daripada berbincang atau berkongsi maklumat sulit berkaitan dengan bidang yang kita bersaing. Melengkapkan Borang Mesyuarat Pesaing Johnson Matthey lebih awal dan/atau menetapkan agenda yang memperincikan tujuan mesyuarat tersebut akan membantu memperjelas hal ini dan melindungi Johnson Matthey dan diri saya.



Apa yang akan ANDA lakukan?

S Anda berjumpa dengan seorang pelanggan untuk berbincang tentang sebuah kontrak yang dibuka untuk tender. Semasa proses rundingan tersebut, pelanggan memberitahu anda bida indikatif pesaing anda dan menawarkan untuk memberi anda salinan sebut harga mereka.

J Oleh kerana pelanggan telah mendedahkan maklumat ini kepada anda dalam konteks rundingan komersial semata-mata untuk tujuan mendapatkan terma yang lebih baik daripada Johnson Matthey, anda boleh menggunakan maklumat ini dengan syarat anda merekodkan sumber maklumat tersebut dengan jelas secara bertulis. Walau bagaimanapun, anda mestilah tidak menerima tawaran untuk salinan sebut harga pesaing. Jika anda menerima dokumen tersebut, anda mesti menghubungi Jabatan Undang-undang secepat mungkin untuk menentukan langkah seterusnya yang perlu diambil.

S Anda makan tengah hari dengan salah seorang pelanggan anda yang anda tahu merupakan pesaing Johnson Matthey dalam pasaran yang lain. Perbualan anda bertukar arah kepada perbincangan tentang isu harga yang pelanggan anda hadapi dalam pasaran tertentu. Anda tidak begitu arif tentang pasaran tersebut dan tidak tahu ini boleh menimbulkan isu persaingan tetapi anda berasa bimbang untuk kemungkinan tersebut.

J Anda patut menyatakan kebimbangan anda dengan segera dan hentikan perbualan itu dengan baik. Nyatakan kebimbangan anda. Sebaik saja anda selesai makan tengah hari, terus hubungi Jabatan Undang-undang untuk memastikan sama ada terdapat langkah lanjut yang perlu diambil.

Nilai teras Johnson Matthey adalah berkaitan dengan bahagian berikut:

- Bertindak dengan integriti
- Bertanggungjawab ke atas apa yang kita lakukan

Rujukan dan sumber tambahan

- Dasar dan Panduan Undang-undang Persaingan Kumpulan
- Jabatan Undang-undang
- Jabatan Etika dan Pematuhan
- Borang Mesyuarat Pesaing Johnson Matthey

Jenayah kewangan

Kita semua bertanggungjawab untuk mengambil langkah berhati-hati dan mengenal pasti tanda-tanda amaran yang mungkin menunjukkan sebarang aktiviti jenayah.

Di Johnson Matthey, kita memastikan bahawa perniagaan dan perkhidmatan kita tidak digunakan untuk memudahkan jenayah kewangan, seperti pengubahan wang haram, pengelakan cukai dan pembiayaan aktiviti pengganas, atau untuk terlibat dengan aktiviti haram lain yang akan menyembunyikan asal-usul rantaian jenayah tersebut.

Oleh itu, amat penting untuk kita mengetahui secukupnya identiti, latar belakang dan aktiviti operasi pelanggan, pembekal dan pihak ketiga lain supaya kita dapat menghalang sebarang transaksi haram daripada berlaku.

- ▶ Pengubahan wang haram adalah proses mengambil hasil daripada aktiviti jenayah, menyembunyikan asal usul wang yang diperoleh secara haram dan membuat ia kelihatan mematuhi undang-undang dengan penapisan atau 'pembersihan', iaitu melalui beberapa transaksi.
- ▶ Memudahkan pengelakan cukai adalah kesalahan jenayah korporat dan terdiri daripada 'orang-orang berkaitan' di syarikat (cth. pekerja, ejen, atau orang lain yang memberikan perkhidmatan untuk atau bagi pihak syarikat) yang secara sengaja dan tidak jujur memudahkan pembayar cukai pihak ketiga (seperti pelanggan kita) mengelak daripada membayar cukai.
- ▶ Pembiayaan aktiviti pengganas biasanya bermotivasikan ideologi dan bukannya untuk mendapatkan keuntungan, dan boleh melibatkan bukan sahaja hasil jenayah malah juga dana atau aset yang diperoleh daripada sumber yang sah.



Bagaimanakah ia berkaitan dengan saya?

- ▶ Saya memahami keperluan untuk tahu dengan siapa kita berurusan dan telah melakukan pemeriksaan terperinci yang berkaitan.
- ▶ Saya peka dengan sebarang perubahan yang dibuat pada maklumat, situasi dan profil pelanggan, pembekal atau pihak ketiga lain yang mungkin meningkatkan risiko pengubahan wang haram.
- ▶ Saya sentiasa bertanggungjawab secara peribadi untuk melaporkan rakan sejawat, permintaan, urus niaga dan/atau bayaran yang disyaki.

Tanda amaran urus niaga

Dalam mana-mana urus niaga atau interaksi dengan pihak ketiga, mungkin terdapat tanda atau isyarat bahawa ada sesuatu yang tidak kena. Ini dipanggil tanda amaran urus niaga atau 'red flags' dan perlu dikemukakan kepada Jabatan Undang-undang atau Jabatan Etika dan Pematuhan untuk siasatan. Untuk maklumat lanjut mengenai cara mengenal pasti tanda amaran urus niaga, rujuk senarai contoh di halaman 52.

Apa yang akan ANDA lakukan?

S Anda sudah mula bekerja dengan pelanggan penapisan baru. Pelanggan tersebut baru-baru ini memohon untuk menukar akaun banknya kepada akaun yang berisiko lebih tinggi dari segi pengubahan wang haram dan telah meminta kita memulangkan logam mereka kepada pihak ketiga yang tidak berkaitan pada waktu yang sangat spesifik.

J Walaupun mungkin terdapat alasan yang munasabah bagi arahan baru dari pelanggan anda, kedua-dua permintaan adalah kemungkinan tanda-tanda amaran urus niaga. Anda perlu bercakap dengan pelanggan anda untuk memahami sebab di sebalik permintaan ini. Jika pelanggan mengelak atau enggan memberikan penjelasan yang sepatutnya, anda perlu menilai semula hubungan JM dengan pelanggan tersebut. Tanda-tanda amaran ini juga perlu dikemukakan ke Jabatan Undang-undang atau Jabatan Etika dan Pematuhan.

S Seorang kontraktor JM menjelaskan kepada anda bahawa beliau lebih suka bekerja sebagai kontraktor berbanding pekerja sepenuh masa syarikat, kerana beliau boleh membayar cukai yang lebih sedikit.

J Perbualan ini menunjukkan bahawa kontraktor tersebut mungkin mengelakkan cukai, yang boleh mendedahkan Johnson Matthey kepada kesalahan pemudahan pengelakan cukai. Anda perlu membincangkan keimbangan anda dengan Jabatan Undang-undang atau Jabatan Etika dan Pematuhan dengan segera.

Nilai teras Johnson Matthey adalah berkaitan dengan bahagian berikut:

- Bertindak dengan integriti
- Bertanggungjawab ke atas apa yang kita lakukan

Rujukan dan sumber tambahan

- Laman myJM Jabatan Etika dan Pematuhan
- Jabatan Undang-undang
- Jabatan Etika dan Pematuhan
- Jabatan Kewangan
- Jabatan Cukai
- Jabatan HR

Kawalan perdagangan dan eksport

Kita memahami tanggungjawab kita apabila berurus niaga di peringkat antarabangsa.

Kebanyakan daripada perniagaan Johnson Matthey melibatkan pemindahan barang, teknologi, perkhidmatan, data dan wang merentasi sempadan antarabangsa dan mesti mematuhi semua undang-undang yang berkaitan.

Pemindahan ini mungkin tertakluk kepada keperluan pelesenan eksport, sekatan penggunaan/ pengguna akhir, embargo negara, larangan berurusan dengan individu dan entiti tersenarai, keperluan bank atau kastam dan/atau cukai. Oleh itu, amat penting untuk kita mengetahui apa yang dipindahkan dan dengan siapa kita berurusan supaya kita dapat memenuhi keperluan tersebut.

Barangan termasuklah semua bahan mentah, produk siap, sampel percuma, pembuatan dan peralatan penyelidikan serta barang modal. **Teknologi** termasuklah maklumat seperti lukisan, cetakan asal, pelan, rajah, model, reka bentuk, spesifikasi, manual, arahan dan pengetahuan teknikal – tidak kira sama ada ia dihantar secara fizikal atau elektronik.

Sentiasa pertimbangkan:

- ▶ **Apa:** Klasifikasi produk: Apa yang diimport dan dieksport? Adakah ia produk, perisian atau data teknikal? Adakah jenis barang atau teknologi atau penggunaan akhir berpotensi memerlukan lesen eksport?
- ▶ **Di mana:** Destinasi: Ke mana ia akan pergi? Adakah negara destinasi akhir tertakluk kepada apa-apa sekatan, embargo atau larangan lain?
- ▶ **Siapa:** Pengguna akhir: Siapa yang akan menerima barang? Adakah entiti atau individu yang berurusan dengan anda entiti yang 'disekat'?
- ▶ **Bagaimana:** Penggunaan akhir: Bagaimanakah ia akan digunakan? Adakah potensi atau tujuan penggunaan akhir item ini dikawal?

Kawalan perdagangan dan eksport bersambung

Bagaimanakah ia berkaitan dengan saya?

- ▶ Saya sedar bahawa pemindahan barang, teknologi, perkhidmatan, data atau wang (walau pun ke fasiliti Johnson Matthey lain atau syarikat Johnson Matthey) merentasi sempadan antarabangsa, mungkin tertakluk kepada kawalan eksport.
- ▶ Saya sedar bahawa pemindahan teknologi boleh berlaku melalui cara pertukaran fizikal, elektronik (contohnya, e-mel), bertulis dan lisan serta melalui pemerhatian visual.
- ▶ Saya selalu bertanyakan soalan sekiranya saya tidak pasti sama ada pemindahan barang, teknologi, perkhidmatan, data atau wang dibenarkan.
- ▶ Saya faham bahawa sekatan yang mungkin dikenakan kepada saya atau ahli-ahli pasukan bergantung kepada kewarganegaraan kita dan sama ada kita bekerja atau memudahkan sesuatu projek atau perniagaan yang berkaitan dengan negara tertentu.

Tanda amaran urus niaga

Dalam mana-mana urus niaga atau interaksi dengan pihak ketiga, mungkin terdapat tanda atau isyarat bahawa ada sesuatu yang tidak kena. Ini dipanggil tanda amaran urus niaga atau 'red flags' dan perlu dikemukakan kepada Jabatan Undang-undang atau Jabatan Etika dan Pematuhan untuk siasatan. Untuk maklumat lanjut mengenai cara mengenal pasti tanda amaran urus niaga, rujuk senarai contoh di halaman 52.

Apa yang akan ANDA lakukan?

S Anda sedang memuktamadkan penjualan pertama pemangkin kepada pelanggan baru di Kanada, dengan potensi penjualan besar akan datang. Penjualan ini bermakna perniagaan anda mencapai bajet tahun ini dan anda mahu menepati jangkaan penghantaran mereka. Anda menelefon pembeli untuk memuktamadkan beberapa butiran dan beliau berkata mereka sebelum ini tidak dapat mencari pembekal yang sanggup membekalkan pemangkin untuk kegunaan kilang mereka di Cuba dan Venezuela. Hal ini mengejutkan anda dan selepas panggilan itu, anda menyemak semula semua kertas kerja yang berkaitan dan negara-negara ini tidak dinyatakan.

J Hubungi jabatan Perundangan Sektor anda dan Jabatan Etika dan Pematuhan untuk memberitahu mereka apa yang anda temui dan tanya jika penjualan tersebut boleh diteruskan. Tidak kira sama ada barang tersebut dihantar ke negara itu, penjualan kepada negara yang disekat boleh mengakibatkan denda yang besar untuk JM, kehilangan urus niaga daripada pelanggan lain yang tidak mahu dikaitkan dengan kita, kehilangan keyakinan pihak berkepentingan (seperti bank atau pembekal logistik) dan menjelaskan reputasi. Jabatan Perundangan Sektor dan Jabatan Etika dan Pematuhan anda akan dapat menjalankan pemeriksaan terperinci ke atas semua pihak yang terlibat, menilai sama ada penjualan tersebut dibenarkan, berhubung dengan pihak bank dan mendapatkan kebenaran berkaitan daripada pihak berkuasa kawal selia untuk membenarkan pembekalan tersebut.

S Perniagaan anda sedang membina kilang baru di luar negara dan anda tidak pasti sama ada kawalan perdagangan perlu dipertimbangkan.

J Lesen eksport dan/atau import mungkin diperlukan bagi apa-apa peralatan pengeluaran atau bahan mentah yang dihantar ke kilang baharu. Lesen juga mungkin diperlukan bagi apa-apa perkhidmatan teknikal yang diberikan dalam bentuk pemindahan teknologi atau perkhidmatan teknikal yang disediakan dalam negara tersebut. Berbincang dengan Jabatan Undang-undang untuk mendapatkan bimbingan lanjut.

Nilai teras Johnson Matthey adalah berkaitan dengan bahagian berikut:

- Melindungi pekerja dan planet
- Bertindak dengan integriti

Rujukan dan sumber tambahan

- Dasar Kawalan Perdagangan dan Eksport Kumpulan Johnson Matthey
- Manual Pematuhan Perdagangan Johnson Matthey
- Sektor Perundangan
- Jabatan Etika dan Pematuhan

Tanda amaran urus niaga

Kita perlu sentiasa berwaspada dengan kemungkinan tanda amaran urus niaga atau 'red flags'.

Walaupun anda tidak terlibat secara langsung dalam urusan dengan pihak ketiga, anda perlu sedar akan bidang-bidang yang Johnson Matthey berkemungkinan terdedah kepada risiko. Ingat, ia bukan perniagaan semata-mata.

Tanda amaran urus niaga ialah petunjuk bahawa mungkin ada sesuatu yang tidak kena dengan urus niaga tersebut. Ia mungkin petunjuk bahawa ada sesuatu yang tidak kena dari segi rasuah dan korupsi, jenayah kewangan, sekatan dan kawalan eksport, atau perspektif undang-undang atau pematuhan yang lain. Mungkin akan timbul beberapa isu daripada mana-mana tanda amaran. Senarai yang tidak terhad termasuk:

- Pihak ketiga tidak mahu menyediakan sebarang atau maklumat yang mencukupi semasa sesi pertanyaan dijalankan.
- Struktur pembayaran luar biasa yang diminta atau dilaksanakan oleh pihak ketiga, termasuk bayaran yang akan dibuat atau diterima:
 - secara tunai atau 'luar rekod';
 - kepada atau daripada bidang kuasa dengan profil pengubahan wang haram atau pengelakan cukai yang tinggi;
 - kepada atau daripada pihak ketiga yang tiada hubungan dengan Johnson Matthey; dan
 - tanpa invois atau resit untuk bayaran.
- Pembayaran dibuat tidak dinyatakan dengan terperinci di dalam invois atau disokong dengan bukti kerja diselesaikan.
- Komisen yang tinggi atau jumlah bayaran yang besar dibuat kepada pengantara pihak ketiga.
- Ganjaran dan hospitaliti mewah dan kerap, sumbangan amal atau penajaan diberikan kepada pihak ketiga tanpa penjelasan yang terperinci.
- Nama atau alamat pelanggan serupa dengan salah satu daripada pihak yang berada dalam senarai pihak ditolak atau disekat.
- Pelanggan atau ejen pembelian enggan memberikan maklumat mengenai kegunaan akhir barang tersebut atau memberi maklumat alamat yang luar biasa berkaitan dengan destinasi barang.
- Pihak ketiga meminta terma penghantaran atau pengaturan penghantaran yang luar biasa (mungkin menyembunyikan kepada siapa barang kita akhirnya akan disampaikan).
- Pembelian atau jualan yang luar biasa (cth. tidak sesuai dengan bidang perniagaan atau keupayaan teknikal) untuk pelanggan, pembekal atau jenis pelanggan atau pembekal tertentu.



Melaporkan sebarang tanda amaran urus niaga yang dikemukakan kepada Jabatan Undang-undang atau Jabatan Etika dan Pematuhan yang boleh membantu anda mengkaji situasi tersebut sebelum meneruskan.

Syarikat

Saya akan melindungi
jenama, aset dan reputasi
Johnson Matthey



Sekuriti korporat	56
Sekuriti maklumat	59
Harta intelek	62
Pelaporan perniagaan dan kewangan	64
Ketepatan rekod	66
Berkomunikasi luaran	68
Media sosial	71
Maklumat dalaman	73



Sekuriti korporat

Kita memastikan semua orang berasa selamat dan terjamin di tempat kerja.

Di Johnson Matthey, kita bekerja keras untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan meminimumkan potensi kesan daripada ancaman sekuriti di mana jua kita menjalankan perniagaan.

Kita komited untuk melindungi pekerja, aset, produk dan reputasi dengan memastikan kita mempunyai pendekatan yang berkesan dan teguh untuk pengurusan risiko sekuriti. Kita melaksanakannya dengan menetapkan dan mencapai piawaian sekuriti minimum di seluruh syarikat kita dan menggunakan langkah-langkah untuk memastikan perniagaan berterusan. Sekuriti akan sentiasa mencerminkan nilai-nilai Johnson Matthey dan semua pekerja mempunyai peranan untuk dimainkan bagi mengurangkan risiko yang timbul daripada pencerobohan yang disengajakan atau tidak disengajakan dalam sekuriti tapak atau ancaman kepada rakan sekerja.

Sekuriti peribadi dan perjalanan urusan perniagaan

Johnson Matthey menyediakan latihan dan panduan yang sewajarnya kepada pekerja untuk risiko sekuriti yang mereka hadapi di mana sahaja mereka bekerja, atau ke mana sahaja mereka pergi. Kita semua bertanggungjawab untuk memastikan kita sedar akan risiko sekuriti yang kita hadapi dan cara untuk bertindak balas kepada insiden sekuriti sekiranya ia berlaku.



Sebagai pekerja Johnson Matthey, kadang-kadang kita perlu pergi untuk urusan perniagaan dan walaupun isu komersial adalah penting, ia sama sekali tidak lebih penting daripada keselamatan peribadi dan sekuriti. Kita komited untuk memastikan kita semua menerima nasihat yang paling komprehensif sebelum mengembara dan bantuan yang terbaik mungkin semasa di luar negara termasuk arahan tentang langkah berjaga-jaga tambahan semasa pergi ke negara berisiko tinggi yang tertentu. Semua laman kita mesti memenuhi sekurang-kurangnya standard minimum untuk sekuriti fizikal dan kita menghendaki rakan niaga, pembekal dan kontraktor kita mengambil pendekatan yang sama.

Jika anda seorang pengurus, anda mempunyai tanggungjawab tambahan untuk memastikan anda menilai dengan betul risiko yang pasukan anda hadapi dan latihan dan panduan serta sokongan yang sesuai telah disediakan.

Bagaimakah ia berkaitan dengan saya?

- ▶ Saya memastikan saya peka dan mengikuti garis panduan sekuriti tempatan saya termasuk apa maknanya jika saya bekerja di negara berisiko tinggi.
- ▶ Saya tahu apa yang perlu dilakukan jika kecemasan berlaku di tempat kerja saya.
- ▶ Saya sentiasa mengambil langkah untuk mengurangkan risiko sekuriti termasuk sekuriti perjalanan, dan memaklumkan kepada pengurusan tentang risiko jika ia jelas.
- ▶ Saya memastikan saya bertanggungjawab ke atas apa-apa bahan dan peralatan selamat yang ada dalam jagaan saya.
- ▶ Saya memastikan inventori bagi bahan dan produk adalah terkini dan menyeluruh.

Pengurusan perniagaan berterusan

Memastikan perniagaan berterusan adalah penting dan setiap tapak dan pejabat mesti dilindungi oleh pelan perniagaan berterusan yang dinilai dan diuji setiap tahun dengan pasukan pengurusan terlatih sekiranya berlaku isu risiko sekuriti. Panduan khusus tentang hal ini dan standard minimum yang diperlukan boleh diperolehi daripada pasukan Sekuriti Korporat.

Apa yang akan ANDA lakukan?

S Saya akan melakukan lawatan perniagaan tidak lama lagi dan saya disuruh memeriksa sekuriti perjalanan sebelum saya pergi. Kenapa? Sudah tentu pengurus saya tidak akan menghantar saya ke tempat yang tidak selamat?

J Tidak, pengurus anda tidak akan sengaja berbuat demikian – tetapi terdapat negara atau lokasi tertentu yang dinasihatkan supaya mengambil langkah berjaga-jaga tambahan dan kadang kala situasi sekuriti boleh berubah dengan cepat. Anda perlu memastikan anda tahu cara untuk menghubungi Sekuriti Korporat atau pengurus sekuriti tempatan anda dan tahu apa yang perlu dilakukan sekiranya berlaku kecemasan. Rujuk Garis panduan Sekuriti Perjalanan, dan sentiasa mendapatkan nasihat dan sekatan perjalanan yang terkini.

S Seseorang yang tidak anda kenali sedang bekerja dalam pejabat anda. Individu ini tidak memakai pas pelawat.

J Jika anda melihat seseorang yang tidak memakai pas pelawat atau kelihatan mencurigakan, tanya dengan sopan dengan siapa mereka ingin bertemu dan apa anda boleh membantu. Jika anda masih risau, bawa mereka kembali ke meja sambut tetamu. Jika anda bimbang tentang keselamatan anda, jangan dekati individu ini dan hubungi pihak Sekuriti dengan segera.

Nilai teras Johnson Matthey adalah berkaitan dengan bahagian berikut:

- Melindungi pekerja dan planet
- Bertindak dengan integriti

Rujukan dan sumber tambahan

- Laman myJM Zon Pengetahuan Sekuriti
- Garis Panduan Sekuriti Perjalanan
- Dasar Jabatan Sekuriti
- Manual Jabatan Sekuriti
- Jabatan Risiko dan Jaminan Korporat

Sekuriti maklumat

Kita semua bertanggungjawab untuk memastikan maklumat Johnson Matthey adalah selamat dan terjamin.

Maklumat Johnson Matthey adalah penting untuk setiap perkara yang kita lakukan. Daripada e-mel yang kita hantar dan perbualan kita, maklumat ialah aset syarikat yang bernilai yang kita mesti lindungi dan uruskan dengan berhati-hati. Jika kita tidak berbuat demikian, dan kita membenarkan maklumat kita terdedah kepada risiko, ia boleh menjelaskan keupayaan kita untuk beroperasi dengan berkesan dan selamat.

Di Johnson Matthey, kita menyimpan maklumat sulit kepunyaan kita, dan juga maklumat yang didedahkan kepada kita oleh pihak ketiga dengan selamat dan terjamin untuk melindungi kepentingan kita dan rakan kongsi perniagaan kita. Kita tidak akan mendedahkan sebarang maklumat sulit, melainkan kita diberi kebenaran berbuat demikian atau dituntut oleh undang-undang dan hanya dalam cara yang terkawal.

Maklumat sulit

Maklumat sulit termasuklah maklumat kewangan, paten, strategi perniagaan atau pemasaran, ramalan, pengetahuan, amalan, sistem dan prestasi, spesifikasi produk dan harga, pengeluaran dan kapasiti perkembangan, aturan pelanggan dan pembekal (termasuklah terma kontrak) dan data peribadi. Dalam sesetengah kes, maklumat sulit termasuk sampel bahan atau peralatan prototaip. Maklumat sulit dengan kandungan teknikal kadangkala boleh dirujuk sebagai rahsia perdagangan.



Sekuriti maklumat dan penggunaan teknologi

Kita semua mesti mengambil langkah-langkah untuk mencegah akses tidak dibenarkan kepada maklumat yang kita bertanggungjawab ke atasnya, atau diamanahkan kepada kita, dengan menyimpan dengan selamat ID pengguna kita, mencipta kata laluan yang kukuh dan menggunakan sistem secara bertanggungjawab.

Kita mesti mengelakkan pengenalan apa-apa virus, perisian berniat jahat atau perisian pengintip secara tidak sengaja ke sistem JM dan hanya menggunakan perkakasan komputer, aplikasi dan perisian yang telah diluluskan untuk kegunaan oleh IT JM. Kita hendaklah sentiasa berhati-hati semasa membuka lampiran e-mel dan mengklik hiperpautan dengan mempertimbangkan sama ada pautan tersebut munasabah dari perspektif perniagaan dan sama ada ia datang daripada sumber yang anda ketahui.

Cipta, akses dankekalkan

Kita semua hendaklah berhati-hati apabila menggunakan atau menyampaikan maklumat baru. Kita mesti mempertimbangkan audiens kita dan bagaimana ia mungkin ditafsirkan – atau disalahtafsirkan. Jika kita mencipta maklumat sensitif, contohnya di dalam dokumen atau e-mel, kita bertanggungjawab untuk menentukan sama ada kita perlu memberitahu orang lain bahawa maklumat tersebut adalah sensitif.

Maklumat hendaklah boleh digunakan: ia harus tepat, diatur dengan baik dan mudah diakses apabila diperlukan sekarang atau pada masa akan datang. Kita juga mesti tahu tentang peraturan undang-undang dan kawal selia yang bakal digubal yang boleh mempengaruhi cara kita menguruskan, melindungi, mengekalkan dan menghapuskan semua maklumat kita termasuk rekod perniagaan dan maklumat peribadi.

Bagaimakah ia berkaitan dengan saya?

- ▶ Saya meragui apa-apa e-mel daripada seseorang yang saya tidak kenali atau berkenaan topik yang tidak dijangkakan.
- ▶ Saya merahsiakan kata laluan dan membuatnya lebih panjang dan lebih kukuh.
- ▶ Saya hanya menggunakan IT yang selamat.
- ▶ Saya tidak menggunakan e-mel peribadi atau platform seperti WhatsApp atau WeChat untuk berkongsi maklumat sulit.
- ▶ Saya tidak pernah memberi maklumat peribadi atau sulit menerusi telefon, secara bersemuka atau dalam apa jua cara melainkan saya pasti kepada siapa saya memberinya dan bahawa mereka layak mengakses data itu.
- ▶ Saya menyokong dan menggalakkan rakan sekerja saya dalam amalan kerja yang selamat dan terjamin dan melaporkan sebarang keimbangan kepada pengurus saya, pengurus sekuriti tempatan dan JM IT service desk.
- ▶ Saya mempertimbangkan nilai data yang saya cipta dan mengenakan kawalan yang sewajarnya untuk akses dan mengekalkan keselamatannya.
- ▶ Saya mengosongkan meja saya daripada maklumat sensitif dan selalu menyimpan komputer riba saya di tempat yang berkunci apabila saya meninggalkan ruang kerja saya selepas habis bekerja.

Apa yang akan ANDA lakukan?

S Anda akan pergi bercuti selama seminggu. Bolehkah kata laluan diberikan kepada rakan sekerja yang anda percayai supaya mereka boleh memeriksa apa-apa e-mel pelanggan yang penting dan log masuk ke aplikasi yang anda guna semasa ketiadaan anda?

J Anda sama sekali tidak boleh memberikan kata laluan anda kepada mana-mana pekerja lain. Jika anda bimbang e-mel penting mungkin masuk semasa ketiadaan anda, sama ada hubungi pelanggan terlebih dahulu untuk memberitahu mereka siapa yang boleh dihubungi semasa ketiadaan anda atau biasakan diri anda dengan akses Outlook untuk menyediakan 'peraturan' yang akan memajukan e-mel kepada rakan sekerja anda.

S Anda menerima e-mel daripada pembekal berhubung dengan satu invois dengan permintaan untuk menghantar bayaran menggunakan maklumat perbankan yang berbeza. Anda belum melihat apa-apa pemberitahuan awal daripada pembekal dan anda tidak pasti apa yang perlu dilakukan.

J Berhenti dan berfikir. Ia di luar jangkaan, jadi memang patut anda berasa ragu-ragu. Laporkan terus kepada pengurus anda, dan pengurus sekuriti tempatan atau JM IT service desk.

Nilai teras Johnson Matthey adalah berkaitan dengan bahagian berikut:

- Bertindak dengan integriti
- Menginovasi dan menambah baik
- Bertanggungjawab ke atas apa yang kita lakukan

Rujukan dan sumber tambahan

- Laman myJM Zon Pengetahuan Sekuriti
- Laman myJM Jabatan Harta Intelek
- Jabatan Harta Intelek
- Jabatan Undang-undang
- Dasar Sekuriti Maklumat
- Dasar penggunaan boleh diterima
- Dasar pengelasan maklumat
- Dasar perlindungan data

Harta intelek

Kita menghargai dan melindungi pelaburan kita dalam Penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Di Johnson Matthey, kita melabur secara besar-besaran dalam Penyelidikan & Pembangunan (R&D) setiap tahun untuk membangunkan produk, proses dan perniagaan baru.

R&D penting untuk perkembangan kita dan kejayaan masa hadapan Johnson Matthey. Hasil program R&D seperti ciptaan, pengetahuan dan data eksperimen dianggap sebagai harta intelek (IP). Penting untuk IP kita diuruskan dengan baik dan dilindungi untuk menjaga pelaburan Johnson Matthey dalam R&D.

IP mungkin dilindungi oleh hak harta intelek (IPR) seperti paten, yang melindungi ciptaan kita; tanda dagangan, yang melindungi identiti korporat kita dan jenama kita; dan hak cipta, yang melindungi komunikasi kita. Di samping itu, undang-undang melindungi rahsia perdagangan dan maklumat sulit kita.

Kita mengharapkan orang lain menghormati IPR Johnson Matthey dan kita juga komited untuk menghormati IPR berdaftar sah pihak lain dan untuk melindungi maklumat sulit yang telah didedahkan kepada kita oleh pihak lain dengan menggunakan cara yang sama seperti kita melindungi maklumat sulit kita sendiri.

Bagaimanakah ia berkaitan dengan saya?

- ▶ Saya menghormati IPR pihak lain.
- ▶ Saya berjaga-jaga semasa menggunakan teks dan imej tersedia secara umum untuk memastikan saya tidak melanggar mana-mana hak cipta orang lain.
- ▶ Saya memberi amaran kepada Jabatan Harta Intelek jika saya sedar yang kita telah mencipta IP yang perlu dilindungi.



Apa yang akan ANDA lakukan?

S Anda telah mengusahakan projek usaha sama dengan rakan kongsi luar, berkaitan dengan perumusan pemangkin. Persetujuan yang merangkumi kerjasama ini termasuk kewajipan kerahsiaan. Ketika makan tengah hari, salah seorang rakan sekerja anda memberitahu masalah yang beliau hadapi dengan perumusan pemangkin berlainan, yang anda rasa mungkin dapat diselesaikan dengan teknik perumusan yang anda pelajari daripada kolaborator kita.

J Teknik perumusan tersebut mungkin maklumat sulit kolaborator kita. Kewajipan kerahsiaan dalam perjanjian mungkin bermakna kita tidak dibenarkan untuk mendedahkan atau menggunakan maklumat yang kita terima di luar daripada usaha sama tersebut, walaupun di dalam JM. Oleh itu, memberitahu rakan sekerja anda tentang teknik perumusan tersebut mungkin melanggar perjanjian tersebut. Hubungi jabatan IP untuk mendapatkan nasihat.

S Anda baru-baru ini mula bekerja dengan JM. Anda sedang mengusahakan satu projek yang sangat berkaitan dengan beberapa kerja yang anda lakukan dalam kerja anda sebelum ini dan anda tahu cara syarikat terdahulu anda menyelesaikan masalah yang sama (yang terhasil daripada usaha R&D selama berbulan-bulan). Bolehkah anda melangkau kerja yang diperlukan dan guna penyelesaian syarikat anda yang terdahulu?

J Menggunakan maklumat khusus daripada kerja terdahulu anda akan berkemungkinan besar menjadi pelanggaran kewajipan kerahsiaan anda kepada bekas majikan anda. Selain itu, memberitahu orang lain dalam pasukan anda mengenai penyelesaian yang dicapai oleh syarikat lama anda boleh 'mempengaruhi' mereka, dan bermakna JM terhalang daripada menggunakan penyelesaian yang mungkin dihasilkan oleh mereka sendiri secara berasingan. Hubungi jabatan IP anda untuk membincangkan jenis maklumat tersebut, dan apa kewajipan anda.

Nilai teras Johnson Matthey adalah berkaitan dengan bahagian berikut:

- Bertindak dengan integriti
- Menginovasi dan menambah baik
- Bertanggungjawab ke atas apa yang kita lakukan

Rujukan dan sumber tambahan

- Laman myJM Jabatan Harta Intelek
- Jabatan Harta Intelek
- Dasar Perlindungan Harta Intelek dan Dasar Maklumat Sulit untuk sektor/perniagaan anda

Pelaporan perniagaan dan kewangan

Kita memastikan buku, rekod dan laporan kewangan Johnson Matthey mencerminkan satu gambaran yang tepat dan jujur tentang perniagaan kita.

Data kewangan yang boleh kita percaya diperlukan bukan sahaja untuk mematuhi dasar, piawaian perakaunan luar dan semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan tetapi juga untuk membolehkan kita membuat keputusan perniagaan dengan bijak untuk mengembangkan perniagaan kita dan mengekalkan reputasi kita.

Bagaimanakah ia berkaitan dengan saya?

- ▶ Saya jujur dan berhati-hati apabila menghantar tuntutan perbelanjaan dan jika sesuai, lembar masa dan memastikan ianya selaras dengan dasar Johnson Matthey.
- ▶ Saya memastikan sebarang komitmen kontrak yang saya lakukan bagi pihak Johnson Matthey atau transaksi yang saya benarkan mematuhi tahap autoriti saya dan mematuhi dasar kita mengenai penglibatan pihak ketiga.
- ▶ Saya memastikan apabila saya membuat pembelian atau membeli perkhidmatan bagi pihak JM saya telah pastikan JM mendapat harga yang berbaloi dan menjalankan tender bila mana mungkin.
- ▶ Saya merekodkan semua urus niaga dengan tepat dalam tempoh perakaunan yang wajar yang disokong oleh bukti yang terperinci dan selaras dengan dasar-dasar perakaunan Johnson Matthey.
- ▶ Saya bersikap objektif semasa menulis laporan untuk memastikan laporan adalah seimbang dan tidak hanya menyerlahkan perkara yang baik sahaja.



Apa yang akan ANDA lakukan?

S Hujung tahun semakin hampir dan saya ada ada invois daripada pembekal untuk dibayar. Jika saya membayarnya sebelum akhir bulan saya akan terlepas sasaran modal kerja saya. Patutkah saya tunggu sahaja sehingga akhir bulan dan kemudian membayarnya?

J Kita perlu membayar invois apabila ia perlu dijelaskan, tidak kira bagaimana ia memberikan kesan kepada modal kerja kita. Kita perlu ada dasar pembayaran yang menyatakan kita akan bayar invois pada kitaran pembayaran berikutnya selepas ia perlu dijelaskan (biasanya 60 hari selepas kita menerima invois). Jadi, jika ia perlu dijelaskan sebelum kitaran bayaran terakhir bulan tersebut, kita perlu membayarnya dalam kitaran bayaran itu. Jika ia perlu dijelaskan selepas kitaran bayaran terakhir bulan tersebut, dasar kita adalah untuk membayarnya dalam kitaran bayaran seterusnya, iaitu bulan depan – asalkan ia selaras dengan terma dan syarat kita, ini adalah perkara yang betul untuk dilakukan.

S Anda telah menerima invois yang memerlukan pembayaran dengan segera tetapi hal ini melebihi had autoriti anda dan pengurus anda berada di luar negara. Pembekal mengugut dengan tindakan undang-undang jika anda tidak membayarnya dengan segera. Rakan kerja anda mencadangkan anda membayarnya dan kemudian meminta pengurus anda untuk menandatangan bagi bayaran yang telah dibuat.

J Setiap invois perlu diberikan kuasa dengan betul sebelum ia dibayar, maka anda tidak boleh mengikuti nasihat rakan sekerja anda. Walau bagaimanapun, hal ini bukanlah situasi yang tidak lazim dan kemungkinan besar terdapat penyelesaian yang boleh diterima yang mematuhi dasar Johnson Matthey. Jika situasi ini mendesak, hubungi pengawal kewangan tempatan anda atau Pengarah Sektor Kewangan yang mempunyai prosedur bagi situasi seperti ini.

Nilai teras Johnson Matthey adalah berkaitan dengan bahagian berikut:

- Bertindak dengan integriti
- Bertanggungjawab ke atas apa yang kita lakukan

Rujukan dan sumber tambahan

- Manual Kawalan Kumpulan
- Pengurus Kewangan atau Pengawal Kewangan Tempatan
- Pengarah Bahagian Kewangan
- Jabatan Perakaunan

Ketepatan rekod

Kita jujur dan tepat dalam semua rekod perniagaan kita dan apa jua jenis pelaporan, siapa pun penerima yang ditujukan dan apa jua tujuan dokumen atau rekod tersebut.

Adalah penting kita boleh mempercayai rekod perniagaan yang kita ada dan pelaporan yang kita terima atau berikan. Bila-bila masa kita mencipta rekod sesuatu (contohnya keputusan ujian kualiti dan pemeriksaan produk, lembar masa, hadirin di sesi latihan, atau langkah-langkah yang kita ambil untuk mengumpul maklumat), kita perlu melakukannya dengan tepat dan secara jujur supaya kita dan pihak berkepentingan termasuk pekerja lain, pelanggan, pembekal, agensi kerajaan boleh bergantung padanya.

Jika rekod diubah dengan niat mendapatkan keuntungan kewangan (sama ada oleh syarikat atau individu), atau keuntungan peribadi lain, ini mungkin penipuan yang akan menjadi kesalahan jenayah untuk JM dan/atau pekerja individu.

Bagaimakah ia berkaitan dengan saya?

- ▶ Saya selalu merekodkan maklumat perniagaan dalam cara yang tepat, benar, dan tepat pada masanya, dan menurut semua dasar berkaitan, piawaian profesional dan undang-undang tempatan.
- ▶ Saya tidak pernah memalsukan atau mengubah rekod secara tidak wajar atau dengan sengaja menyebabkan tanggapan yang mengelirukan dibuat.
- ▶ Saya hanya memusnahkan atau memadamkan rekod perniagaan menurut dasar pengekalan dokumen.



Apa yang akan ANDA lakukan?

S Anda bekerja di jabatan kualiti dan anda telah diberitahu bahawa salah satu proses pengujian tidak memberikan keputusan yang sepatutnya dan tidak mencerminkan realiti dan keputusan ujian di luar spesifikasi yang dipersetujui dengan pelanggan. Anda diberitahu bahawa terdapat kaedah matematik untuk menentukan keputusan yang akan berada dalam spesifikasi yang dipersetujui, dan anda sebaliknya diminta merekodkan angka itu. Apa yang perlu anda lakukan?

J Ini akan menjadi pemalsuan rekod dan anda tidak boleh melakukannya. Jika proses pengujian tidak memberikan keputusan yang meyakinkan kita, proses tersebut mesti diubah dan/atau spesifikasi berbeza dipersetujui dengan pelanggan. Anda hendaklah mengemukakan perkara ini kepada pengurus anda dan jika anda tidak berpuas hati dengan hasil perbincangan ini, anda perlu **Suarakan**.

S Anda telah diminta memberikan maklumat kepada pasukan IT JM berkaitan dengan data yang diproses dalam bidang kerja anda. Anda tidak faham mengapa mereka memerlukannya dan sedang sibuk menyelesaikan tugas lain. Beberapa minggu kemudian anda menyedari anda belum menjawab permintaan tersebut dan anda dengan cepat merangka jawapan berdasarkan ingatan, tanpa menyemak semula rekod anda.

J Ini bukanlah pendekatan yang betul untuk situasi ini. Jika anda tidak faham mengapa maklumat ini diperlukan, atau bagaimana anda sepatutnya mengutamakan tugas tersebut, anda perlu mendapatkan penjelasan daripada pasukan IT JM dan/atau pengurus anda. Pasukan IT JM mungkin memerlukan maklumat tersebut untuk sebab yang penting (yang boleh termasuk untuk pegawai kawal selia) dan mungkin bergantung kepada maklumat yang anda telah berikan. Jika anda tidak meluangkan masa untuk membuat laporan dengan betul, IT JM mungkin secara tidak sengaja membuat keputusan berdasarkan maklumat yang tidak tepat atau tidak lengkap.

Nilai teras Johnson Matthey adalah berkaitan dengan bahagian berikut:

- Bertindak dengan integriti
- Bertanggungjawab ke atas apa yang kita lakukan

Rujukan dan sumber tambahan

- Jabatan Undang-undang
- Jabatan Etika dan Pematuhan

Berkomunikasi luaran

Kita bertindak secara bertanggungjawab dan mempertimbangkan kesan tindakan kita apabila kita menyampaikan maklumat tentang perniagaan kita.

Komunikasi luaran perlulah berkesan, seimbang, jelas dan konsisten. Dialog dengan pemegang saham luar kita mestilah telus, jujur dan bukannya tidak tepat atau mengelirukan.

Johnson Matthey perlu menyediakan maklumat rasmi yang mencerminkan pandangan syarikat itu sendiri (seperti keputusan kewangan, krisis pengurusan atau pembangunan perniagaan), hanya yang diberi kuasa oleh syarikat sahaja dibenarkan berbuat demikian. Selain itu, semua komunikasi hendaklah diluluskan terlebih dahulu oleh wakil yang sesuai.

Kita juga perlu berhati-hati apabila menawarkan penajaan atau memberikan pengendorsan. Membuat pilihan yang tidak bijak boleh merosakkan reputasi kita jika organisasi atau produk tidak selaras dengan visi, strategi dan nilai-nilai JM. Selalu rujuk panduan dalam Dasar Pelaburan Komuniti.



Jika anda diminta memberikan pengendorsan bagi produk atau perkhidmatan pihak ketiga, anda mesti pertimbangkannya dengan teliti. Pertama sekali, dengan melakukannya, anda mengatakan bahawa JM berpuas hati dengan produk atau perkhidmatan itu dan akan mengesyorkannya kepada orang lain. Kedua, jika kita bersetuju dengan sesuatu pengesahan kita mesti memastikan bahawa ayat yang digunakan oleh pihak ketiga tidak mengelirukan. Khususnya, ayat pengesahan itu perlu mempunyai skop yang spesifik, contohnya jika mereka telah melakukan kerja untuk Johnson Matthey Clitheroe UK, ia perlulah jelas, dan tidak memberikan tanggapan yang mereka telah merangkumi untuk seluruh Kumpulan. Jika anda ada sebarang keraguan, jangan bersetuju untuk mengendors. Jika anda ada sebarang pertanyaan, sila hubungi Jabatan Komunikasi Korporat.

Bagaimakah ia berkaitan dengan saya?

- ▶ Saya menyampaikan maklumat kepada khalayak luar bagi pihak Johnson Matthey hanya jika saya diberi kebenaran secara spesifik untuk berbuat demikian.
- ▶ Sebarang permintaan untuk maklumat yang saya tidak berkuasa untuk menyampikannya atau berasa tidak selesa membincangkan mengenainya secara terbuka, saya akan kemukakan kepada pengurus saya, Jabatan Komunikasi Korporat atau orang lain yang layak untuk memberi maklum balas.
- ▶ Saya perlu mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Komunikasi Korporat atau orang lain yang mempunyai kuasa untuk memberikan kebenaran sebelum mengeluarkan kenyataan tentang Johnson Matthey kepada media tempatan, nasional, global atau perdagangan.
- ▶ Saya pastikan jika saya dilantik untuk bercakap kepada media bagi pihak Johnson Matthey, saya akan menyertai latihan komunikasi media terlebih dahulu sebelum berbuat demikian.

Apa yang akan ANDA lakukan?

S Anda berada di persidangan dan seorang wartawan mendekati anda bertanya soalan tentang pengambilalihan Johnson Matthey yang terbaru. Anda tahu sesuatu berkenaan hal ini dan anda fikir anda boleh membantu menjawab soalan wartawan.

J Menolak dengan sopan untuk memberi komen dan ajukan pertanyaan itu kepada jurucakap media syarikat atau Jabatan Komunikasi Korporat melainkan anda diberi kebenaran secara spesifik untuk berucap kepada media mengenai topik ini.

S Pelanggan yang berurusan dengan anda kerap bertanyakan tentang kemas kini maklumat yang tidak rasmi yang berkaitan dengan keputusan kewangan akan datang Johnson Matthey. Anda dengar bahawa prestasi perniagaan berada di landasan yang betul dan menganggap keputusan tersebut adalah baik.

J Terangkan dengan sopan bahawa anda tidak boleh memberi komen tentang keputusan kewangan sehingga Johnson Matthey mengumumkan keputusan secara formal.

Nilai teras Johnson Matthey adalah berkaitan dengan bahagian berikut:

- ▣ Bertindak dengan integriti
- ▣ Menginovasi dan menambah baik
- ▣ Bertanggungjawab ke atas apa yang kita lakukan

Rujukan dan sumber tambahan

- Laman myJM Jabatan Hubungan Pelabur dan Komunikasi Korporat
- Jabatan Komunikasi Korporat
- Laman Jurucakap Komunikasi

Media sosial

Kita bertanggungjawab untuk semua yang kita kirimkan pada semua bentuk media sosial.

Media sosial adalah hakikat kehidupan, digunakan untuk segalanya daripada berhubung dengan rakan-rakan dan rakan sekerja hingga membuat kenalan baru atau mencari berita terkini. Sama ada anda pengguna Twitter, LinkedIn, Facebook, Snapchat atau mana-mana platform lain, anda diharapkan untuk menggunakan media sosial secara bertanggungjawab. Apa yang anda katakan di media sosial boleh terus dilihat oleh khalayak ramai selama bertahun-tahun, dan boleh memberikan kesan besar kepada reputasi anda sendiri dan juga JM.

Sebagai sebuah syarikat sains dan teknologi yang inovatif, kita sewajarnya menjadi sebahagian daripada perbualan meluas di dalam industri kita, dan media sosial adalah salah satu tempat kita mengadakan perbualan tersebut dengan rakan kongsi kita. Kami akan sentiasa menggalakkan anda untuk terlibat dalam perbualan itu, tetapi ingatlah bahawa apa yang anda siarkan adalah tanggungjawab anda. Anda sama sekali tidak boleh berkongsi maklumat sulit, mengatakan apa-apa yang mendedahkan reputasi kita kepada risiko, atau bercakap bagi pihak Johnson Matthey secara keseluruhan.

Batas antara hal peribadi dan profesional mungkin kabur di media sosial; ingatlah bahawa apa yang anda siarkan, seperti, tweet semula dll. dalam kedua-dua kapasiti boleh menimbulkan risiko, dan kedua-duanya dirangkumi oleh dasar media sosial kita. Jika anda yakin anda telah melihat sesuatu yang melanggar peraturan dasar ini, anda bertanggungjawab untuk menyerahkan maklumat ini kepada orang yang sesuai di JM.

Bagaimakah ia berkaitan dengan saya?

- ▶ Saya bertanggungjawab untuk semua yang saya kirimkan pada semua bentuk media sosial.
- ▶ Saya menggunakan pertimbangan dan akal semasa berkomunikasi secara luaran.
- ▶ Saya beringat akan apa yang saya kirimkan boleh menjadi tatapan umum selama bertahun-tahun lamanya.
- ▶ Saya melindungi privasi orang lain dan maklumat sulit Johnson Matthey.
- ▶ Saya tidak akan bercakap bagi pihak Johnson Matthey di media sosial.
- ▶ Saya sedar bahawa itu merupakan tanggungjawab setiap daripada kita untuk membantu melindungi reputasi Johnson Matthey.

Apa yang akan ANDA lakukan?

S Perniagaan anda sedang distruktur semula dan anda tidak gembira dengan perubahan tersebut. Anda ingin berkongsi perasaan anda dengan rakan anda melalui akaun peribadi Facebook anda.

J Jika anda memilih untuk berkongsi perasaan anda melalui Facebook, fikir masak-masak sebelum anda menulis. Tiada apa dalam Kod yang bertujuan untuk mengganggu, menyekat atau menghalang komunikasi pekerja tentang keadaan pekerjaan anda. Walau bagaimanapun, anda perlu bertimbang rasa kepada orang lain apabila berbuat demikian serta ingat maklumat yang dinyatakan dalam dasar media sosial kita. Lebih baik menyuarakan terus kebimbangan anda kepada pengurus anda atau HR. Ingatlah bahawa dasar kita adalah berkaitan dengan penggunaan media sosial secara peribadi dan juga profesional.

S Anda melihat komen yang dipaparkan pada media sosial tentang bidang teknologi yang relevan dengan Johnson Matthey. Anda rasa anda mempunyai sesuatu yang berguna untuk diutarakan.

J Kami sentiasa menggalakkan anda untuk menyumbang dan membantu membina profil anda dan juga JM. Walau bagaimanapun, ingatlah bahawa anda hanya boleh menyebut maklumat yang sudah boleh didapati oleh orang ramai. Ia adalah sesuatu yang wajar untuk bercakap tentang kerja dan berdialog dalam komuniti profesional, tetapi anda mesti berhati-hati untuk tidak mendedahkan maklumat sulit atau harta intelek apabila berbuat demikian, dan ia terutamanya penting untuk menjelaskan bahawa anda menyatakan pendapat anda sendiri dan bukannya pandangan JM.

Nilai teras Johnson Matthey adalah berkaitan dengan bahagian berikut:

- Bertindak dengan integriti
- Bertanggungjawab ke atas apa yang kita lakukan

Rujukan dan sumber tambahan

- Laman myJM Komunikasi Korporat
- Dasar Media Sosial

Maklumat Dalaman

Kita selalu memahami tanggungjawab kita berhubung dengan maklumat dalaman.

Maklumat dalaman adalah maklumat rahsia yang tepat dan tidak sepatutnya diketahui umum tetapi, jika diketahui umum, akan mengakibatkan kesan yang ketara terhadap harga saham Johnson Matthey.

Pekerja tidak diharapkan untuk membuat penilaian dengan pasti sama ada maklumat adalah dalaman atau bukan, tetapi jika anda ada sebarang keraguan, anda mesti rujuk hal tersebut kepada ahli Jawatan kuasa Pendedahan (iaitu Ketua Eksekutif, Ketua Pegawai Kewangan dan Setiausaha Syarikat). Maklumat dalaman termasuklah, sebagai contoh, maklumat yang berkaitan dengan perdagangan dan/atau keputusan kewangan Johnson Matthey, ramalan pendapatannya, transaksi seperti pemerolehan dan penjualan atau sebarang perkembangan utama baru dalam perniagaan.

Dasar Maklumat Dalaman Johnson Matthey menetapkan prosedur yang diwajibkan untuk memastikan pekerja dan kakitangan lain boleh:

- ▶ mengenal pasti maklumat dalaman berpotensi;
- ▶ mempertingkatkan isu secepat mungkin melalui saluran dalaman yang sesuai; dan
- ▶ melindungi dan mengawal maklumat dalaman.

Jika anda memiliki maklumat yang mungkin, atau berpotensi menjadi maklumat dalaman, anda mesti memberitahu ahli Jawatankuasa Pendedahan Johnson Matthey. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk mengenal pasti dan memantau kewujudan maklumat dalaman dan meluluskan pendedahannya kepada pasaran.

Anda tidak boleh berdagang dalam saham Johnson Matthey (atau instrumen kewangan lain) apabila memiliki maklumat dalaman dan anda mesti tidak mendedahkan maklumat itu atau menggalakkan pihak ketiga berbuat demikian.

Perdagangan dalaman merupakan kesalahan jenayah di kebanyakan negara tempat kita beroperasi.

Pekerja yang mempunyai akses kepada maklumat dalaman mesti memastikan bahawa maklumat tersebut disimpan, dilindungi dan diuruskan dengan betul, supaya kerahsiaan dikenekalkan dan tiada akses yang tidak dibenarkan kepada maklumat dalaman tersebut.

Kita mengekalkan senarai sulit orang yang mempunyai akses kepada maklumat sulit yang bukan maklumat dalaman tetapi berpotensi menjadi maklumat dalaman pada masa akan datang. Jika nama anda termasuk dalam Senarai Sulit, keupayaan anda untuk berdagang dalam saham JM akan dihadkan, termasuk mewajibkan anda mendapatkan kelulusan terlebih dahulu. Anda akan dimaklumkan jika nama anda akan termasuk dalam Senarai Sulit dan mengenai sekatan urus niaga saham yang dikenakan ke atas anda.

Bagaimakah ia berkaitan dengan saya?

- ▶ Saya tidak akan berurusan dengan saham Johnson Matthey ketika memiliki maklumat dalaman.
- ▶ Saya tidak berurus niaga dalam saham Johnson Matthey semasa memiliki maklumat yang berpotensi menjadi maklumat dalaman atau tanpa mendapatkan kelulusan awal jika sekatan urus niaga saham telah dikenakan ke atas saya.
- ▶ Saya tidak menggalakkan, meminta atau mengarahkan mana-mana pihak ketiga untuk berurusan dengan saham Johnson Matthey ketika saya memiliki maklumat dalaman.
- ▶ Saya mematuhi Kod Urusan Saham Johnson Matthey dan mana-mana sekatan urusan saham yang lain jika saya diberitahu bahawa ia dikenakan kepada saya.
- ▶ Saya tidak terlibat dalam pencabulan atau manipulasi pasaran dengan menyebarkan maklumat palsu tentang Johnson Matthey.



Apa yang akan ANDA lakukan?

S Anda bekerja untuk suatu pemerolehan yang anda tahu akan mempunyai kesan pada harga saham Johnson Matthey sebaik sahaja diumumkan dan oleh itu, anda telah dimaklumkan bahawa sekatan urus niaga saham dikenakan ke atas anda. Bapa anda bertanya kepada anda sama ada dia patut melabur dalam saham Johnson Matthey pada masa hadapan.

J Anda tidak boleh membantu seseorang membuat keputusan sama ada untuk melabur dalam saham Johnson Matthey berdasarkan maklumat dalaman yang anda ada. Bapa anda seharusnya membuat keputusannya sendiri atau mencari nasihat bebas tentang sama ada berbaloi atau tidak untuk meneruskannya.

S Sebahagian daripada peranan anda, anda mempunyai akses bagi maklumat sulit yang tidak tersedia secara meluas walaupun anda tidak pasti sama ada maklumat ini akan memberi impak pada harga saham Johnson Matthey jika diketahui dengan meluas. Anda mahu pergi bercuti dan anda ingin menjual beberapa saham Johnson Matthey bagi membiayai percutian anda.

J Anda seharusnya meminta nasihat daripada Setiausaha Syarikat atau Jabatan Undang-undang sama ada maklumat sulit yang anda boleh akses boleh dianggap sebagai maklumat dalaman. Jika ia maklumat dalaman, malangnya anda tidak boleh menjual saham anda pada peringkat ini.

Nilai teras Johnson Matthey adalah berkaitan dengan bahagian berikut:

- Bertindak dengan integriti
- Bertanggungjawab ke atas apa yang kita lakukan

Rujukan dan sumber tambahan

- Setiausaha Syarikat
- Jabatan Undang-undang



Planet

Saya akan menyokong impian
Johnson Matthey untuk membina
perniagaan yang mampan



Integriti rantai bekalan kita	78
Persekutaran	81
Pengawasan produk	83
Pelaburan komuniti	85

Integriti rantaian bekalan kita

Kita mengharapkan pendekatan beretika dan mampan kepada perniagaan daripada para pembekal kita.

Matlamat kita adalah untuk memastikan kita mendapatkan semua bahan mentah dan perkhidmatan yang kita beli secara bertanggungjawab.

Kod Tatakelakuan Pembekal menyatakan jangkaan kita terhadap pembekal berkaitan dengan hak asasi manusia, amalan buruh, kesihatan dan keselamatan, perlindungan alam sekitar dan etika perniagaan. Khususnya, kita mengharapkan semua pembekal kita untuk menyokong prinsip yang digariskan dalam International Labour Organization Core Conventions, the United Nations ('UN') Global Compact and the UN Guiding Principles on Business and Human Rights. Kita menggalakkan semua pembekal kita untuk mencapai pensijilan ISO14001 untuk Pengurusan Alam Sekitar, jika ia sesuai untuk operasi perniagaan mereka.

Kita komited untuk menangani masalah perhambaan moden dan penyeludupan manusia di peringkat global dengan menilai rantaian bekalan kita yang berisiko tinggi untuk petunjuk isu-isu ini. Kita membuat pendedahan awam tahunan mengenai kemajuan kita dalam bidang ini mengikut keperluan undang-undang yang berkenaan.



Kita komited untuk:

- ▶ Melancarkan Kod Tatakelakuan Pembekal kepada pembekal baru dan yang sedia ada.
- ▶ Mengkaji semula pematuhan Tatakelakuan Pembekal oleh pembekal sedia ada dan bekerjasama dengan mereka untuk membantu menambah baik amalan perniagaan mereka jika mereka tidak memenuhi keperluan tersebut.
- ▶ Melaporkan secara telus kepada semua pihak berkepentingan tentang kemajuan kita dalam mencapai pematuhan kepada Tatakelakuan Pembekal di seluruh rantaian bekalan kita.
- ▶ Menjawab dengan segera permintaan pelanggan untuk maklumat mengenai amalan perniagaan mampan menerusi rantaian bekalan kita untuk produk yang mereka beli.
- ▶ Menyumbang kepada penghapusan perhambaan moden dan penyeludupan manusia di seluruh dunia.

Bagaimakah ia berkaitan dengan saya?

- ▶ Saya bertanggungjawab untuk memastikan orang yang bekerja bersama saya dalam rantaian bekalan tahu tentang Tatakelakuan Pembekal dan bagaimana ia berkaitan dengan mereka.
- ▶ Saya bertanggungjawab untuk menyuarakan keimbangan tentang perhambaan moden dan penderaan berkaitan buruh yang lain yang saya perhatikan di mana-mana bahagian operasi Johnson Matthey atau rantaian nilai kami.
- ▶ Saya bertanggungjawab untuk menjawab secara positif terhadap permintaan pelanggan untuk maklumat mengenai sumber bahan mentah di dalam produk JM dan mendapatkan nasihat jika perlu.

Apa yang akan ANDA lakukan?

S Anda akan mula bekerja dengan pembekal baru tetapi anda membaca artikel akhbar yang mendakwa pekerja kontrak pembersihan pembekal tersebut tidak dibayar gaji minimum oleh kontraktor dan tidak bebas berhenti kerja jika mahu berbuat demikian.

J Johnson Matthey komited untuk memastikan bahawa pembekalnya tidak menggunakan buruh yang diperhambakan atau paksa. Anda perlu **Suarakan** kepada pengurus langsung anda atau hubungi Jabatan Undang-undang atau Jabatan Etika dan Pematuhan, yang akan meneliti perkara tersebut selanjutnya.

S Seorang pelanggan menghubungi anda dan meminta pengisytiharan mengenai penggunaan mineral konflik oleh **Johnson Matthey**. Apa yang akan anda lakukan?

J Johnson Matthey komited untuk bersikap telus dengan para pelanggannya dan kita mengharapkan pembekal kita pun begitu juga, dan akan sentiasa bersedia untuk menjawab permintaan seperti ini secara terbuka. Istilah 'mineral konflik' mempunyai takrifan yang sangat khusus dalam undang-undang antarabangsa. Sila hubungi ketua kemampanan sektor anda atau Jabatan Kemampanan untuk mengetahui cara menjawab permintaan pelanggan anda dengan sewajarnya.

Nilai teras Johnson Matthey adalah berkaitan dengan bahagian berikut:

- ❑ Melindungi pekerja dan planet
- ❑ Bertindak dengan integriti
- ❑ Bekerja bersama
- ❑ Bertanggungjawab ke atas apa yang kita lakukan

Rujukan dan sumber tambahan

- Laman Kemampanan myJM
- Laman myJM Jabatan Etika dan Pematuhan
- Pernyataan Perhambaan Moden JM
- Kod Tatakelakuan Pembekal Kumpulan
- Dasar Pemerolehan Beretika dan Mampan Kumpulan
- Jabatan Kemampanan
- Jabatan Sumber Manusia Tempatan dan Kumpulan
- Jabatan Etika dan Pematuhan
- Jabatan Undang-undang

Persekitaran

Kami mengiktiraf kewajipan kami sebagai sebuah syarikat global untuk melindungi pekerja kami dan planet.

Kami mempunyai kewajipan untuk melindungi sumber-sumber terhad yang mengekalkan perniagaan kami dan untuk beroperasi dengan cara yang akan memelihara sumber-sumber ini ke tahap yang paling praktikal. Sekurang-kurangnya kita akan beroperasi mengikut peraturan dan perundangan kebangsaan, serantau dan tempatan yang berkenaan dengan alam sekitar. Di mana kita boleh, menggunakan standard yang lebih tinggi untuk mengurangkan kesan alam sekitar kita.

Dalam perniagaan, kita mengenal pasti dan mengurus bahan-bahan kimia yang berbahaya, air dan bahan buangan dengan betul. Kita juga berusaha untuk meminimumkan pelepasan sisa pepejal dan cecair, dan udara setakat yang praktikal, memastikan kita tidak melebihi had yang diwajibkan serta mematuhi permit atau undang-undang yang digariskan.

Bagaimakah ia berkaitan dengan saya?

- ▶ Saya meminimumkan bahan buangan, mengitar semula dan menggunakan semula bahan bila-bila masa ia boleh dilaksanakan dan saya melakukan perjalanan apabila perlu sahaja.
- ▶ Saya mematuhi piawai di tempat saya untuk perlindungan persekitaran dan penggunaan sumber.
- ▶ Saya mengendalikan peralatan, menyelenggara infrastruktur dan hanya menggunakan pengesan dan lain-lain peranti pelindung yang ditentukur dengan sewajarnya dan disenggara.
- ▶ Saya menilai semua perubahan (atau perubahan berpotensi) kepada kilang atau proses dengan mempertimbangkan persekitaran, kesihatan dan impak keselamatan dan perundangan.



Apa yang akan ANDA lakukan?

S Dalam masa yang singkat sebelum membuka kilang baru, anda dinasihatkan supaya mendapatkan permit pelepasan udara terlebih dahulu. Mendapatkan permit akan melambatkan pembukaan kilang.

J Kilang kita, sekurang-kurangnya mesti sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan berkaitan. Oleh itu anda tidak boleh memulakan operasi sehingga anda sudah mendapatkan semua permit kawal selia yang diperlukan. Anda mesti **Suarakan** dengan segera untuk memastikan pengurusan kanan sedar akan keperluan untuk mendapatkan permit tambahan.

S Sewaktu pemeriksaan rutin, tangki bahan berbahaya didapati mula tidak berfungsi.

J Kami komited untuk menguruskan bahan berbahaya dengan bertanggungjawab termasuklah simpanan selamat bagi menghalang tumpahan. Anda sepatutnya **Suarakan** dengan segera tentang pemerhatian anda agar tangki itu dibaiki atau diganti untuk melindungi pekerja dan persekitaran.

Nilai teras Johnson Matthey adalah berkaitan dengan bahagian berikut:

- Melindungi pekerja dan planet
- Bertindak dengan integriti
- Menginovasi dan menambah baik

Rujukan dan sumber tambahan

- Laman Kemampanan dan EHS myJM
- Pengarah / Pengurus Jabatan EHS Kumpulan
- Pengurus EHS Tapak dan Sektor
- Jabatan Kemampanan

Pengawasan produk

Kami faham tanggungjawab kami berlanjutan sepanjang keseluruhan kitar hayat produk.

Matlamat kami adalah untuk melindungi pekerja, pengguna produk kami dan persekitaran melalui produk bahan kimia yang paling selamat dan proses yang mampu membawa kepada pencapaian teknologi yang diingini. Komitmen kami adalah terhadap pengawasan produk yang merupakan aspek penting bagi matlamat kemampuan kami yang lebih meluas.

Sebagai sebahagian daripada komitmen ini, kami mengakui bahawa semua bahan kimia yang kami guna dan keluarkan mestilah diuruskan secara bertanggungjawab. Produk yang kami bekalkan kepada pelanggan kami biasanya menjadi bahagian yang penting bagi produk akhir yang dibekalkan kepada pengguna. Kami menetapkan sendiri piawaian yang tinggi: pelanggan kami ingin melihat bukti bahawa kami faham sebarang bahaya yang wujud dalam produk kami dan dengan memahami penggunaan mereka, kami boleh membantu mereka menguruskan risiko yang diakibatkan olehnya.

Hal ini bermakna kita:

- ▶ Mengenal pasti dan memahami bahaya terhadap kesihatan manusia dan persekitaran yang berkaitan dengan bahan kimia di kilang kami.
- ▶ Sampaikan maklumat yang jelas tentang bahaya berkaitan dengan bahan kimia di kilang kami.
- ▶ Mengambil pendekatan kitaran hidup bagi produk kami, menilai impak kesihatan, keselamatan dan persekitarannya pada setiap fasa: penyelidikan, pembangunan, pengkomersilan dan pemberhentian.
- ▶ Cari peluang untuk menggantikan bahan kimia dan produk berbahaya dengan alternatif yang secara teknikalnya setaraf (atau lebih hebat) tetapi lebih selamat.
- ▶ Memastikan pematuhan dengan semua perundangan kawalan bahan kimia yang berkenaan dengan operasi, pembelian, pengendalian bahan dan bekalan kita.

Bagaimakah ia berkaitan dengan saya?

- ▶ Saya tidak membeli, menghasilkan atau membekalkan produk kimia tanpa mengesahkan penilaian keselamatan dan semakan peraturan yang sesuai telah diselesaikan.
- ▶ Saya memastikan saya sedar akan bahaya berkaitan dengan bahan kimia yang dikendalikan di kawasan kerja saya, dan saya mematuhi saranan keselamatan untuk melindungi diri saya dan rakan sekerja.
- ▶ Saya prihatin dengan situasi sebenar atau kemungkinan pengendalian/ penggunaan yang tidak selamat bagi produk bahan kimia.

Apa yang akan ANDA lakukan?

S Pembekal alternatif bahan mentah utama telah dikenal pasti. Prosedur kelayakan pembekal menimbulkan ketidakpastian tentang pematuhan pembekal tersebut dengan keperluan pendaftaran bahan kimia di dalam negara mereka beroperasi. JM tidak perlu patuh dengan keperluan ini.

J Kami komited untuk bertindak dengan integriti, termasuklah memerlukan peserta dalam rantaian bekalan kami mematuhi kewajipan pematuhan undang-undang mereka. Pelanggan kami juga mengharapkan hal ini. Bincangkan keperluan undang-undang dengan pembekal. Jika ia sebenarnya adalah berkenaan dan pembekal berkenaan tidak dapat memenuhi, kita perlu mencari pembekal alternatif. Kita tidak boleh berurus dengan pembekal yang tidak mematuhi undang-undang.

S Proses pengeluaran baru sedang diperkenalkan kepada tapak pengeluaran anda, menggunakan bahan mentah yang anda tiada pengalaman dalam mengendalikannya. Lembaran data keselamatan pembekal hanya mengandungi maklumat yang terhad tentang bahaya dan cara untuk mengendalikannya dengan selamat. Perniagaan terdesak untuk memulakan pengeluaran bagi memenuhi komitmen penghantaran.

J Suarakan. Kemukakan ia untuk perhatian orang yang bertanggungjawab bagi kesihatan dan keselamatan tapak, yang mesti memastikan maklumat keselamatan yang sesuai disediakan untuk memastikan cara pengendalian bahan mentah kita tidak menimbulkan risiko kepada pekerja kita atau persekitaran. Jika kekurangan maklumat, JM mesti mengambil pendekatan berjaga-jaga sehingga apa-apa risiko difahami dengan sewajarnya.

Nilai teras Johnson Matthey adalah berkaitan dengan bahagian berikut:

- ❑ Melindungi pekerja dan planet
- ❑ Bertindak dengan integriti
- ❑ Menginovasi dan menambah baik
- ❑ Bertanggungjawab ke atas apa yang kita lakukan

Rujukan dan sumber tambahan

- Laman myJM Pengawasan Produk
- Rangka Kerja Pengurusan Jabatan EHS Kumpulan (mengandungi dasar dan panduan Pengawasan Produk dan Pengurusan Pendedahan Bahan Kimia)
- Pengurus Pengawasan Produk Kumpulan
- Pasukan Pengawasan Produk dan Hal Ehwal Kawal Selia Tapak dan Sektor

Pelaburan komuniti

Kami percaya bahawa pelaburan dalam komuniti merupakan bahagian utama komitmen sosial kami di tempat kami beroperasi.

Kami boleh membuat sumbangan penting kepada pembangunan sosial dan ekonomi komuniti tempatan kami sebagai majikan dan juga dengan bekerjasama dan melabur dalamnya, dari segi kewangan dan juga dengan meluangkan masa kita. Kami juga bertujuan untuk menyokong perkembangan masa hadapan perniagaan kami dengan menggalakkan sains sebagai kerjaya untuk golongan muda. Untuk mencapai matlamat ini, Johnson Matthey menggalakkan kesemua operasi melaksanakan program pelaburan komuniti. Ia juga menggalakkan dan menyokong semua pekerja untuk meluangkan masa secara sukarela bagi menyokong komuniti tempatan dan mengumpul dana untuk tujuan murni.



Dasar Pelaburan Komuniti kami menetapkan jenis aktiviti dan penerima yang kami sokong dan kriteria yang perlu diikuti agar usaha amal dan sumbangan kami tidak bertentangan dengan dasar Johnson Matthey yang lebih luas atau menjejaskan reputasi kami.

JM menawarkan semua kakitangan dua hari cuti berbayar setahun untuk menjadi sukarelawan, butiran yang dinyatakan dalam Dasar Kesukarelawanan Pekerja kita. Ini boleh digunakan untuk menyumbang kepada matlamat perniagaan mampan JM untuk mencapai 50,000 hari sukarelawan secara kumulatif menjelang 2025.

Di samping itu, JM menyamakan sumbangan derma pekerja sehingga £1,000 (atau jumlah yang setara dalam mata wang tempatan) seorang setahun.

Bagaimakah ia berkaitan dengan saya?

- ▶ Saya tahu cara saya boleh menyertai program pelaburan komuniti dan saya boleh menjadi sukarelawan dalam komuniti tempatan atau dengan organisasi amal atau menyertai aktiviti pengumpulan dana untuk badan amal.
- ▶ Saya memastikan bahawa saya mengikuti Dasar Pelaburan Komuniti Kumpulan dan Dasar Kesukarelawanan Pekerja sebelum komited dengan mana-mana pelaburan komuniti, termasuklah sumbangan amal.
- ▶ Saya tidak melibatkan Johnson Matthey dalam aktiviti sivik atau politik yang saya jalankan dalam kapasiti peribadi.



Apa yang akan ANDA lakukan?

S Organisasi amal yang anda terlibat telah bekerja sama dengan organisasi pengajian sains dan merancang pesta sains di sekolah tempatan. Anda ingin menjadi sukarelawan tetapi pesta sains itu diadakan pada hari bekerja.

J Bercakap dengan pengurus anda dengan menerangkan latar belakang aktiviti, terangkan keinginan anda untuk turut serta dan hantar permintaan anda dalam talian melalui myJM untuk meminta kelulusan beliau untuk turut serta. Atau pun, minta pengurus anda atau wakil HR melengkapkan permintaan dalam talian bagi pihak anda.

S Baru-baru ini tapak anda telah diambil alih oleh Johnson Matthey dan tidak mempunyai program pelaburan komuniti. Anda ingin menolong Johnson Matthey membuat impak dalam komuniti anda.

J Bercakap dengan pengurus anda dan Jabatan Komunikasi Korporat tentang mulakan sebuah program. Bergantung pada tahap penglibatan yang dikehendaki, anda mungkin ingin mempertimbangkan pencalonan sebagai 'Peneraju Komuniti' untuk bertindak sebagai wakil utama perhubungan bagi pelaburan komuniti di tempat anda.

Nilai teras Johnson Matthey adalah berkaitan dengan bahagian berikut:

- ❑ Melindungi pekerja dan planet
- ❑ Bertindak dengan integriti
- ❑ Menginovasi dan menambah baik
- ❑ Bertanggungjawab ke atas apa yang kita lakukan

Rujukan dan sumber tambahan

- Dasar Pelaburan Komuniti Kumpulan
- Dasar Kesukarelawanan Pelaburan Komuniti Johnson Matthey Amerika Utara
- Dasar Kesukarelawanan Pekerja
- Peneraju Komuniti Dalaman
- Jabatan Komunikasi Korporat

Topik kod dan panduan dasar

Bahagian kod	Topik	Dasar dan sumber
Pekerja Saya akan bekerja dengan selamat dan menghormati hak orang lain	Kesihatan dan keselamatan	<ul style="list-style-type: none"> • Dasar EHS Kumpulan • Dasar Penyelamatan Nyawa Kumpulan
	Persekitaran kerja yang positif	<ul style="list-style-type: none"> • Dasar Bekerjasama HR Kumpulan • Dasar Peluang Sama Rata HR Kumpulan
	Perlindungan data	<ul style="list-style-type: none"> • Dasar Perlindungan Data • Notis Privasi Data • Dasar Sekuriti Maklumat
	Hak asasi manusia	<ul style="list-style-type: none"> • Dasar Bekerjasama HR Kumpulan • Dasar Peluang Sama Rata HR Kumpulan • Pernyataan Perhambaan Moden Johnson Matthey Plc • Kod Tatakelakuan Pembekal Johnson Matthey
	Konflik kepentingan	<ul style="list-style-type: none"> • Dasar Konflik Kepentingan • Peraturan Ganjaran dan Hospitaliti Tempatan • Dasar Pembelian Kumpulan
Pasaran Saya akan menjalankan perniagaan dengan bertanggungjawab, adil dan sah	Pihak ketiga	<ul style="list-style-type: none"> • Dasar Anti Rasuah dan Korupsi Kumpulan • Dasar dan Prosedur Urus Niaga Berisiko Tinggi Kumpulan • Dasar Jenayah Kewangan dan Pencegahan Pengubahan Wang Haram Kumpulan • Dasar Kawalan Perdagangan dan Eksport Kumpulan • Semua prosedur pemeriksaan terperinci yang berkaitan • Kod Tatakelakuan Pembekal Johnson Matthey
	Rasuah dan korupsi	<ul style="list-style-type: none"> • Dasar Anti Rasuah dan Korupsi Kumpulan • Dasar dan Panduan Undang-undang Persaingan Kumpulan • Proses Semakan Risiko Perantara Pihak Ketiga
	Ganjaran dan hospitaliti	<ul style="list-style-type: none"> • Dasar Anti Rasuah dan Korupsi Kumpulan • Peraturan Ganjaran dan Hospitaliti Tempatan
	Persaingan adil	<ul style="list-style-type: none"> • Dasar dan Panduan Undang-undang Persaingan Sedunia • Garis panduan Undang-undang Persaingan JM untuk perniagaan anda
	Jenayah kewangan	<ul style="list-style-type: none"> • Dasar Jenayah Kewangan dan Pencegahan Pengubahan Wang Haram Kumpulan
	Kawalan perdagangan dan eksport	<ul style="list-style-type: none"> • Dasar Kawalan Perdagangan dan Eksport Kumpulan • Manual Pematuhan Perdagangan Import dan Eksport Johnson Matthey Amerika Utara • Dasar Bawa dengan Tangan Kumpulan

Bahagian kod	Topik	Dasar dan sumber
Syarikat <i>Saya akan melindungi jenama, aset dan reputasi Johnson Matthey</i>	Sekuriti Korporat	<ul style="list-style-type: none"> • Dasar Jabatan Sekuriti • Dasar Perlindungan Data • Dasar Sekuriti Maklumat
	Sekuriti maklumat	<ul style="list-style-type: none"> • Dasar Penggunaan Boleh Diterima • Dasar Sekuriti Maklumat • Dasar Pengelasan Maklumat • Dasar Perlindungan Data
	Harta intelek	<ul style="list-style-type: none"> • Proses Kelulusan Penerbitan • Arahan Penyerahan Borang Pendedahan Ciptaan • Dasar Perlindungan IP dan Maklumat Sulit Sektor/Perniagaan
	Pelaporan perniagaan dan kewangan	<ul style="list-style-type: none"> • Manual Jabatan Kawalan • Pernyataan Autoriti Kumpulan • Dasar Perjalanan dan Perbelanjaan Kumpulan Tempatan
	Ketepatan rekod	<ul style="list-style-type: none"> • Sekuriti Korporat
	Berkomunikasi luaran	<ul style="list-style-type: none"> • Dasar Komunikasi Luaran
	Media sosial	<ul style="list-style-type: none"> • Garis Panduan Media Sosial
Planet <i>Saya akan menyokong impian Johnson Matthey untuk membina masa depan yang mampan</i>	Integriti rantai bekalan kita	<ul style="list-style-type: none"> • Pernyataan Perhambaan Moden Johnson Matthey Plc • Kod Tatakelakuan Pembekal Johnson Matthey • Respons Johnson Matthey kepada Mineral Konflik
	Persekitaran	<ul style="list-style-type: none"> • Dasar Jabatan EHS • Dasar Penyelamatan Nyawa Kumpulan • Dasar Pengurusan Tenaga P52 • Dasar Kemampunan Kumpulan • Matlamat Perniagaan Mampan sehingga 2025
	Pengawasan produk	<ul style="list-style-type: none"> • Dasar Pengawasan Produk • Dasar Kemampunan Kumpulan • Matlamat Perniagaan Mampan sehingga 2025 • Dasar Pengenalan Produk Baharu (NPI) – Pengawasan Produk • Dasar Pengurusan Bahan Terhad (RSM) • Kod Tatakelakuan Pembekal Johnson Matthey • Dasar Pembelian Kumpulan • Proses Semakan Risiko Pihak Ketiga
	Pelaburan komuniti	<ul style="list-style-type: none"> • Dasar Pelaburan Komuniti • Dasar Kesukarelawanan Pelaburan Komuniti Johnson Matthey Amerika Utara • Dasar Kemampunan Kumpulan • Matlamat Perniagaan Mampan sehingga 2025

Semua dasar boleh diakses melalui laman Jabatan Etika dan Pematuhan di rmyJM.

